



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

# PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030



**MALAYSIA  
MADANI**





KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

# PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030



**MALAYSIA  
MADANI**

© **Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2024**

Penerbitan ini, kecuali mana-mana gambar yang mempunyai hak cipta, boleh diterbitkan semula secara keseluruhan, atau sebahagiannya dan dalam apa jua bentuk untuk tujuan pendidikan dan tujuan bukan komersial tanpa kebenaran khas daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan syarat pengakuan sumber dibuat. KBS amat menghargai penerimaan satu salinan mana-mana penerbitan yang menggunakan penerbitan ini sebagai sumber. Tiada penggunaan penerbitan ini boleh dibuat untuk jualan semula atau untuk sebarang tujuan komersial lain sekalipun tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada KBS.

Kementerian Belia dan Sukan (2024). *Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030*. Putrajaya: KBS

ISBN 978-967-25569-2-3

Penerbitan ini boleh dimuat turun di [www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my)

**DITERBITKAN OLEH**



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Kementerian Belia dan Sukan  
Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +603 - 8871 3221

Laman Web : [www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my)



2-5

## PERUTUSAN

6

## RINGKASAN PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030

7-24

## PENGENALAN

- ▶ LATAR BELAKANG
- ▶ MENDEPANI ISU DAN CABARAN BELIA DALAM ASPEK SOSIOEKONOMI
- ▶ CABARAN SOSIOEKONOMI BELIA: SATU PELUANG

25-32

## MEMPERKASA SOSIOEKONOMI BELIA

- ▶ STRATEGI DAN INISIATIF BERSASAR
- ▶ KERANGKA PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030
- ▶ SASARAN TERPILIH
- ▶ MENYOKONG POLISI SEDIA ADA



33-42

## MATLAMAT 1: MENJANA EKONOMI BELIA

- ▶ Strategi 1: Memperluaskan Peluang Pekerjaan
- ▶ Strategi 2: Mempelbagaikan Punca Pendapatan
- ▶ Strategi 3: Memperkasakan Aktiviti Pembangunan Usahawan
- ▶ Strategi 4: Memantap Literasi Kewangan dan Kesejahteraan Kewangan

43-54

## MATLAMAT 2: MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN DAN INKLUSIVITI BELIA

- ▶ Strategi 1: Meningkatkan Tahap Ketersediaan Bakat Masa Hadapan
- ▶ Strategi 2: Memperkukuh Daya Tahan dan Daya Saing bagi Penyerlahan Potensi Belia
- ▶ Strategi 3: Meningkatkan Penyertaan Belia Wanita dalam Sektor Ekonomi dan Pembuatan Keputusan
- ▶ Strategi 4: Merekayasa Pembangunan Belia Inklusif

55-62

## MATLAMAT 3: MEMPERGIAT PEMBANGUNAN MAMPAN

- ▶ Strategi 1: Meningkatkan Penglibatan Belia dalam Ekonomi Hijau
- ▶ Strategi 2: Mewujudkan Peluang Penglibatan Belia dalam Ekonomi Kitaran



63-66

## PEMANGKIN

- ▶ Pemangkin 1: Mengkaji, Menambahbaik dan Membangunkan Polisi serta Garis Panduan
- ▶ Pemangkin 2: Memperkukuh Mekanisme Tatakelola Pemerksaan Sosioekonomi Belia
- ▶ Pemangkin 3: Memantapkan Kemudahan Infostruktur dan Infrastruktur dalam Menawarkan Perkhidmatan yang Mampam

67-70

## PENILAIAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN

- ▶ EKOSISTEM PENILAIAN DAN PEMANTAUAN

71-72

## GLOSARI SINGKATAN



“**Pelan Kebangsaan Pemerkasaan Ekonomi Belia diluncurkan dengan tumpuan untuk meningkatkan kebolehpasaran belia khususnya bagi mereka yang menganggur dan terbabit dalam sektor pekerjaan tidak formal. Pelan ini merupakan satu tekad Kerajaan MADANI untuk menyerlahkan potensi dan meningkatkan kesejahteraan hidup belia.**”

**YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**  
**Perdana Menteri**

Pembentangan Kajian Separuh Penggal  
Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12)  
11 September 2023, Dewan Rakyat

# PERUTUSAN PERDANA MENTERI

## **Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI**

Pembangunan sosioekonomi melibatkan transformasi gabungan dua elemen iaitu kemasyarakatan dan ekonomi yang didambakan untuk mencapai kemajuan negara secara mampan. Selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI untuk memastikan keseimbangan sosioekonomi dan menoktahkan kemiskinan tegar, Kerajaan tekad untuk menyerlahkan potensi dan meningkatkan kesejahteraan hidup belia. Perkara ini dilaksanakan antara lain dengan membangunkan satu pelan komprehensif bagi memperkasakan sosioekonomi belia dengan tumpuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan menangani isu pengangguran serta memastikan kesejahteraan hidup belia. Menyedari peranan belia penting dalam pembentukan landskap ekonomi negara yang lebih dinamik dan mampan, usaha bagi penjana ekonomi akan dipertingkatkan dengan memperluaskan peluang pekerjaan serta mempelbagaikan punca pendapatan belia merentas sektor ekonomi strategik dan sektor baru muncul berlandaskan ekonomi yang dipacu oleh inovasi dan agenda pembangunan mampan.

Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 dibangunkan untuk menzahirkan hasrat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) berlandaskan Ekonomi MADANI bagi memperkukuh pembangunan dan penyertaan belia dengan tumpuan untuk meningkatkan akses belia kepada pelbagai peluang pekerjaan, keselamatan sosial, latihan dan sokongan kewangan. Di samping itu, penglibatan belia dalam Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) merupakan antara perkara yang diberi perhatian dan anjakan baharu ke arah kemampanan ekonomi negara. Pelan ini juga menekankan kemandirian, daya tahan dan personaliti belia yang mendorong belia bergerak ke hadapan untuk belia kalis masa hadapan (*future proof*), bagi menghadapi landskap dan cabaran akan datang.

Pelan ini adalah ikhtiar bersama melalui pendekatan keseluruhan negara atau *whole-of-nation approach* untuk mencipta masa depan yang lebih baik dan membangunkan generasi belia sebagai pewaris negara.

**ANWAR IBRAHIM**

## PERUTUSAN MENTERI BELIA DAN SUKAN

### Salam Sejahtera

Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 merupakan inisiatif yang dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi belia. Pelan ini menjadi hala tuju penting dan strategik dalam menghadapi kesan jangka panjang ketidaktentuan sosial dan ekonomi terhadap golongan belia.

Golongan belia membentuk sebahagian besar daripada tenaga kerja dan mereka memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan mampan. Justeru, usaha menyediakan belia dengan intervensi yang holistik termasuk pembangunan kapasiti merupakan langkah bagi memastikan generasi muda dapat mengatasi cabaran dengan berkesan. Pembangunan diri belia juga diberi penekanan seiring dengan visi pelan iaitu belia berdaya saing, sejahtera dan mampan.

Pelaksanaan strategi dan inisiatif yang terkandung di dalam Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 dijangka dapat menjana ekonomi belia, memperkukuhkan kesejahteraan dan inklusiviti belia serta mempergiat pembangunan mampan. Pada masa sama, ia menyokong pembangunan sosial yang membolehkan belia menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pelan ini mempunyai peranan penting untuk menyokong pembangunan sosial dan ekonomi belia bagi membina masyarakat yang lebih mampan, dinamik dan berdaya tahan. Oleh itu, pelan ini perlu diteliti, difahami dan dihayati supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil untuk memastikan strategi dan inisiatif berjaya dilaksanakan.

Penghargaan kepada semua pihak atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam membangunkan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030. Bersama kita berusaha membina masa depan yang lebih teguh dan mendayaupayakan generasi belia yang mencerminkan semangat Yakin Boleh!

**HANNAH YEOH**



## KATA ALU-ALUAN

### KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

#### Salam Sejahtera

Golongan belia memainkan peranan penting dalam menentukan masa depan negara dengan membawa semangat inovasi, kreativiti dan ihsan untuk mencipta perubahan positif. Namun demikian, pada hari ini golongan belia menghadapi cabaran terutamanya dari aspek ekonomi dan sosial seperti pengangguran, perubahan landskap pekerjaan, kekurangan literasi kewangan dan kemerosotan alam.

Justeru, KBS sebagai penyelaras pembangunan belia telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 yang memberi penekanan dalam mengatasi cabaran dan memenuhi jurang polisi dalam pembangunan belia. Pelan yang dibangunkan dengan kerjasama pelbagai pemegang taruh ini merupakan satu usaha komprehensif dalam mendayaupayakan belia secara efisien untuk bersama-sama memacu pembangunan negara.

Pelan ini merupakan sebuah dokumen dinamik (*living document*) yang akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut kesesuaian serta keperluan belia sehingga tahun 2030. Melangkah ke hadapan, mekanisme pemantauan dan penilaian secara berterusan akan dilaksanakan bagi memperkukuhkan strategi dan mencapai matlamat utama supaya isu dan cabaran belia dapat ditangani secara berkesan. Pada masa yang sama, penekanan diberikan kepada aspek pengukuhan dan penyerlahan potensi modal insan belia.

Pada masa yang sama, KBS sentiasa mengalu-alukan idea dan pandangan semua dalam memastikan dokumen pelan ini diguna pakai secara berterusan melalui mekanisme pemantauan dan penilaian. Pelan ini diharapkan dapat memangkin pembangunan belia supaya mereka dapat terus menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara selari dengan pendekatan Malaysia MADANI.

**Ts. DR. NAGULENDRAN KANGAYATKARASU**



# RINGKASAN PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030

## Punca Kuasa

**Bab 5:** Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif  
**Strategi F2:** Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing



**Bab 3:** Melonjakkan Daya Tahan Ekonomi untuk Pertumbuhan Mampan  
**Strategi A8:** Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar



**Bab 6:** Membangunkan Masyarakat Inklusif dan Lebih Berdaya Tahan  
**Strategi G2:** Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing

## Senario: Isu dan Cabaran

### 5 Isu dan Cabaran

Tahap kesejahteraan kewangan, literasi dan tingkahlaku kewangan yang rendah

Perkembangan teknologi yang pesat memberi lebih cabaran kepada belia di dalam kelestarian ekonomi belia

Persaingan ekonomi yang kompetitif memerlukan peningkatan pembangunan sendiri bagi membentuk karakter

Perubahan persekitaran dan iklim memberi ketidaktentuan tahap ekonomi belia dan negara

Pemantapan polisi dalam memperkukuhkan ekonomi belia dan negara

## Kerangka Pelan

### 3 Matlamat



10 Strategi | 24 Inisiatif | 9 Sasaran

Digerakkan oleh

12 Kementerian/ Agensi Peneraju | 76 Rakan Kolaborasi

## Inisiatif yang Dilaksanakan

3 Bengkel Kumpulan Kerja Teknikal (Technical Working Group - TWG) di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

1 Makmal Libat Urus

33 Penjajaran di Peringkat Nasional dan Antarabangsa

15 Perbincangan Pembangunan Pelan

## Validasi Pelan

3 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal

3 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

3 Validasi Pelan Bersama Pakar Ekonomi

## Penilaian dan Pemantauan

### Menguukuhkan Ekosistem Penilaian dan Pemantauan

Ekosistem penilaian dan pemantauan merupakan platform yang penting dalam menentukan kejayaan strategi dan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan pelan ini.

## Pelaksanaan

Pelaksanaan inisiatif dan program di bawah pelan tindakan  
 2025 ————— 2030





# PENGENALAN

LATAR BELAKANG ◀

MENDEPANI ISU DAN CABARAN BELIA DALAM ASPEK SOSIOEKONOMI ◀

CABARAN SOSIOEKONOMI BELIA: SATU PELUANG ◀

## LATAR BELAKANG

Belia memainkan peranan penting dalam menentukan masa depan negara. Pada masa kini, populasi belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun adalah seramai 9.10 juta orang atau 27.8% daripada keseluruhan populasi penduduk negara ini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Pada era globalisasi yang kompleks dan dinamik, generasi belia berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Mereka berhadapan dengan cabaran termasuk dalam aspek ekonomi, sosial, politik dan teknologi. Berdasarkan dapatan Indeks Belia Malaysia (IBM) 2022, tahap pencapaian ekonomi belia Malaysia kurang memuaskan dan skor ini tiada perubahan berbanding tahun sebelumnya. Antara isu ekonomi belia adalah kos sara hidup tinggi, ketidakcukupan simpanan, keberhutangan dan kebangkrutan, peluang dan kebolehpasaran pekerjaan yang terhad, pendapatan yang masih tidak setimpal dan pekerjaan masa depan tidak terjamin.

Senario semasa telah memperlihatkan isu sosial belia khususnya dalam aspek keciciran, pendidikan, gejala sosial, kesihatan mental dan fizikal serta kegagalan institusi kekeluargaan. Walaupun pelbagai akses pendidikan disediakan, namun isu keciciran masih menjadi agenda utama kerajaan. Kesihatan mental dan fizikal merupakan tunjang ke arah pembangunan negara yang seimbang. Indeks Kesihatan Mental Belia 2023 telah menunjukkan skor sederhana memuaskan, namun ia menjadi cabaran untuk mengekalkan dan meningkatkannya di masa hadapan.

Selain itu, penyerlahan potensi kepimpinan belia juga antara cabaran yang perlu ditangani atas keperluan melahirkan generasi belia yang bertanggungjawab, matang, bijaksana, pemikiran global dan mempunyai jaringan antarabangsa. Karakter belia positif perlu diterapkan dan diperkukuhkan seiring kemajuan pembangunan negara.

Revolusi digital dan keperluan inovasi, memerlukan belia beradaptasi dengan perubahan dan perkembangan teknologi semasa. Pengetahuan dan kemahiran perlu dipertingkatkan untuk meneroka peluang baharu, menjadi penggerak dan penyumbang utama dalam sektor pekerjaan, perniagaan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru, KBS dengan kerjasama pemegang taruh telah membangunkan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 sebagai aspirasi negara untuk memperkasa dan meningkatkan sosioekonomi belia bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan kelestarian masa depan negara.

**“Beta juga menyambut baik pelaksanaan program pemerkasaan belia dan program literasi kewangan belia untuk mempersiapkan belia agar berilmu dan berwawasan mempunyai semangat patriotik dan jati diri yang tinggi, cakna dengan perkembangan semasa, ihsan terhadap masyarakat dan persekitaran dan mampu mengurus kewangan sendiri dengan baik. Dengan keperibadian tersebut, Beta yakin generasi belia sedia ada pasti berupaya untuk memimpin negara menjadi lebih maju pada masa hadapan.”**

Titah Diraja  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI  
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas  
13 Februari 2023

## Apa itu Pelan Pemerksaan Sosioekonomi Belia 2030?

Pelan Pemerksaan Sosioekonomi Belia 2030 merupakan dokumen dasar yang signifikan dalam usaha kerajaan untuk merangka hala tuju memperkasakan sosioekonomi belia sehingga tahun 2030. Dokumen ini menjadi panduan kepada pemegang taruh pembangunan belia untuk melaksanakan inisiatif dalam menangani isu dan cabaran sosioekonomi belia.

Pelan ini menjadi dokumen dinamik (*living document*) akan sentiasa dikaji semula dan dikemaskini mengikut keperluan serta perubahan semasa pembangunan belia. Pembangunan pelan ini menggunakan kaedah saintifik seperti di **Kotak Paparan 1** bagi menyokong usaha kerajaan dalam melaksanakan pembuatan keputusan berasaskan bukti.

## Visi dan Jangkaan Hasil?

Visi Pelan Pemerksaan Sosioekonomi Belia 2030 adalah untuk membina 'Belia Berdaya Saing, Sejahtera dan Mampun'. Pelan ini mengandungi tiga (3) matlamat yang menjadi teras utama iaitu Menjana Ekonomi Belia, Memperkukuh Kesejahteraan dan Inklusiviti Belia serta Mempergiat Pembangunan Mampun.

Pelaksanaan strategi dan inisiatif bersasar yang mengambilkira keperluan, keupayaan dan kepelbagaian lapan (8) kumpulan sasaran belia dalam jangka masa panjang akan dapat mengurangkan kadar pengangguran, mengurangkan peratusan belia dalam kategori Bukan dalam Pekerjaan, Pendidikan atau Latihan (*Not in Employment, Education or Training* - NEET), meningkatkan purata gaji dan upah belia, meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh belia, meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh belia wanita, menurunkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran belia, meningkatkan skor literasi kewangan belia, meningkatkan julangan pencarum skim perlindungan sosial belia dan mewujudkan pangkalan data ekonomi hijau belia.

## Siapakah Penerima Manfaat?

Strategi dan inisiatif yang dilaksanakan oleh 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia memfokuskan kepada belia berumur **15 hingga 30 tahun** di bawah kategori **lapan (8) kumpulan sasaran belia**. Lapan (8) kumpulan sasaran belia pula dikategorikan kepada tiga (3) peringkat umur untuk meningkatkan capaian pelaksanaan program pembangunan belia kepada golongan sasaran.



**Belia Awal**  
Alam persekolahan  
15-18 tahun



**Belia Pertengahan**  
Pengajian tinggi atau alam pekerjaan  
19-24 tahun



**Belia Akhir**  
Kebanyakannya dalam alam pekerjaan  
25-30 tahun

### Belia bersekolah

Belia yang menuntut di peringkat menengah merangkumi antara lainnya sekolah menengah, sekolah kluster kecemerlangan, sekolah berprestasi tinggi, sekolah amanah, sekolah berasrama penuh, sekolah agama, sekolah sukan, sekolah seni, sekolah teknik dan vokasional, pendidikan khas, pendidikan swasta, sekolah antarabangsa dan sekolah pondok.

### Belia minoriti dan golongan terpinggir

Terbahagi kepada 2 kategori, iaitu:  
(a) Belia Minoriti - antara lainnya Orang Asli, kaum minoriti dan Orang Kurang Upaya (OKU); dan  
(b) Golongan Terpinggir - anak yatim, miskin atau berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan (B40), gelandangan, ibu atau bapa tunggal dan ibu bapa bawah umur

### Belia berkerjaya

Belia yang bekerja dalam pelbagai lapangan merangkumi antara lainnya kumpulan profesional awam dan swasta, kumpulan bukan profesional awam dan swasta, tenaga kerja NGO, anggota badan beruniform, usahawan, ahli sukan dan ahli seni.

### Perkumpulan belia

Terbahagi kepada 2 kategori, iaitu:  
(a) Belia Berpersatuan - belia yang menjadi ahli dalam pertubuhan yang berdaftar di bawah manamana perundangan negara seperti NGO, NGO belia, NGO sukan dan rekreasi, NGO kebudayaan dan kesenian, badan politik, badan beruniform dan koperasi, dan  
(b) Kumpulan Berdasarkan Minat Khusus (Special Interest Group, SIG) - belia yang berkumpul dan melaksanakan aktiviti dalam ruang minat yang sama tanpa berdaftar di bawah mana-mana perundangan negara.

### Belia massa

Merangkumi belia bandar, belia luar bandar, belia kaum utama, ikon belia, keluarga muda dan ibu bapa muda.

### Belia pengajian tinggi

Belia yang menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi merangkumi universiti awam atau swasta, institusi latihan kemahiran awam atau swasta, politeknik, kolej komuniti dan kursus profesional.

### Belia Malaysia antarabangsa

Merangkumi belia yang sedang bekerja dan belajar di luar negara serta belia yang pernah bekerja dan belajar di luar negara.


### Belia berisiko

Belia yang tergolong sebagai pesakit muda, bakal pesakit muda, tercidir daripada sistem persekolahan, tidak berkerjaya, mangsa dera, bekas banduan, banduan, anak banduan, muflis, bakal muflis, bekas muflis, perokok, peminum arak, menagih dadah, bekas penagih dadah, pelumba haram, kecelaruan identiti, penyeludup dan belia di sempadan.

## KAEDAH PEMBANGUNAN

Gerak kerja bagi penyediaan pelan ini menumpukan kepada strategi mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan belia dalam aspek sosioekonomi. Selaras dengan konsep merentas pelaksana yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) iaitu memastikan pembangunan belia di negara ini adalah secara bersama berdasarkan fungsi dan keupayaan setiap pelaksana, maka beberapa kaedah pengumpulan data dilaksanakan.

Pengumpulan data ini melibatkan 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia dan lapan (8) kumpulan sasaran belia yang menerima manfaat hasil pembangunan pelan ini. Tempoh pembangunan pelan dilaksanakan pada September 2022 hingga April 2024.



### Fasa 1: Pengumpulan input

#### Kaedah kualitatif

- ▶ Menganalisis dokumen di peringkat nasional dan antarabangsa;
- ▶ Mengenalpasti isu dan cabaran ekonomi belia serta fakta dan statistik berkaitan sosioekonomi belia; dan
- ▶ Melaksanakan analisis penjajaran di peringkat nasional dan antarabangsa khususnya ke atas strategi dan inisiatif dalam memperkasakan sosioekonomi belia.

### Fasa 2: Pengumpulan data dan input, penambahbaikan, analisis, semak silang data, penentuan input dan validasi

#### Kaedah kualitatif

- ▶ Pengumpulan input dilaksanakan melalui sesi libat urus iaitu Bengkel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan Makmal Libat Urus Semenanjung, Sabah dan Sarawak melibatkan 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia dan lapan (8) kumpulan sasaran belia.

#### Kaedah kuantitatif

- ▶ Melaksanakan survei dalam talian melibatkan 1,000 responden belia; dan
- ▶ Melaksanakan validasi bidang fokus, strategi, pelan tindakan dan inisiatif serta penentuan tempoh pelaksanaan pelan oleh kelompok belia.

#### Pembentukan draf dan pemurnian

- ▶ Bengkel analisis dan interpretasi;
- ▶ Penyediaan draf pelan pertama dan kedua; dan
- ▶ Proses validasi oleh pakar ekonomi negara.

### Fasa 3: Analisis dan penetapan sasaran

- ▶ Aplikasi model unjuran ekonomi menggunakan kaedah ekonometrik; dan
- ▶ Validasi dan pemurnian sasaran terpilih bersama pemegang taruh.

### Fasa 4: Penerbitan dan penyebaran

- ▶ Kelulusan Jemaah Menteri;
- ▶ Penerbitan; dan
- ▶ Penyebarluasan.




- ▶ Individu belia yang berumur di antara **15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun** berdasarkan DBM
- ▶ Seseorang yang berumur **tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun** berdasarkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Pindaan) 2019 [Akta A1602]

### Populasi penduduk dan belia berumur 15 hingga 30 tahun dan 15 hingga 40 tahun Malaysia bagi tahun 2022




**32,698.1**  
Jumlah Populasi Penduduk ('000)

Nota: Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023




**Belia**  
**15-30 tahun**  
**9.10 juta**



**Belia**  
**15-40 tahun**  
**14.68 juta**

### Statistik unjuran penduduk Malaysia tahun 2024-2026



Nota: Unjuran Penduduk (semakan semula) berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

Sesebuah negara menjadi negara menua apabila penduduk berumur 65 tahun ke atas mencapai 7% daripada jumlah keseluruhan populasi (Bank Dunia, 2020). Malaysia telah mencapai status negara menua pada tahun 2021, yang mana jumlah penduduk berumur 65 tahun ke atas telah mencapai 7% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Peningkatan kadar populasi menua secara tidak langsung membawa impak kepada negara dalam pelbagai aspek termasuk sosioekonomi. Bagi mendepani perubahan ini, antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah dari aspek guna tenaga negara dan produktiviti. Justeru itu, pembangunan pelan ini turut merangkumi inisiatif kesiapsiagaan dalam mendepani negara menua pada masa akan datang.

## MENDEPANI ISU DAN CABARAN BELIA DALAM ASPEK SOSIOEKONOMI

Belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam mendepani arus globalisasi yang mana dijangka akan memberikan impak berganda ke atas golongan belia pada masa hadapan sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Sejalan dengan itu, isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia perlu ditangani agar ianya tidak menjejaskan kemampuan dan keupayaan mereka bersaing dalam sektor ekonomi. Pengenalpastian isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia dianalisis menggunakan Sosial, Teknologi, Ekonomi, Persekitaran dan Polisi (*Social, Technological, Economic, Environmental and Policy - STEEP*) yang dilaksanakan dengan kerjasama Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT). Analisis ini digunakan untuk mempertimbangkan pelbagai faktor berkait dengan aspek ekonomi termasuk senario pada masa akan datang.

Beberapa proses pengumpulan input telah dilaksanakan bagi mengumpul isu, cabaran dan pandangan berhubung ekonomi belia yang melibatkan pelbagai latar termasuk lapan (8) kumpulan sasaran belia di kawasan bandar dan luar bandar, agensi kerajaan dan swasta, kerajaan negeri, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan, institusi pendidikan dan penyelidikan serta pihak media.

Proses ini telah dilaksanakan melalui beberapa siri Bengkel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) di peringkat Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Input yang diperolehi seterusnya dibawa ke Makmal Libat Urus Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 untuk dimuktamadkan.

Selain itu, tinjauan ke atas pandangan belia berhubung strategi dan inisiatif dalam memperkasakan sosioekonomi belia juga dilaksanakan dalam memastikan maklumat yang berkenaan diperolehi mengambil kira pandangan semua pihak dan mengamalkan konsep tiada sesiapa yang tertinggal agar pelan ini bersifat inklusif dan dapat membantu mencapai matlamat yang disasarkan. Analisis telah dilaksanakan melibatkan proses seperti berikut:

- (i) analisis ke atas faktor sosial belia termasuk nilai, minat, perwatakan diri, mentaliti, sokongan sosial dan persekitaran;
- (ii) analisis ke atas aspek teknologi seperti keupayaan belia beradaptasi seiring dengan kemajuan teknologi yang merangkumi aspek kreativiti dan inovasi, komunikasi, bakat, penciptaan teknologi baru dan keselamatan teknologi;
- (iii) analisis persekitaran ekonomi belia meliputi aspek pengetahuan, kemahiran, kemampuan dan keupayaan ekonomi belia;
- (iv) analisis terhadap persekitaran seperti perubahan iklim, kesedaran konsep pembangunan mampan, keselamatan persekitaran dan landskap pekerjaan;
- (v) analisis ke atas pengenalpastian serta penambahbaikan polisi; dan
- (vi) analisis ke atas elemen sosioekonomi yang melibatkan keterangkuman aspek sosial dan ekonomi membolehkan inisiatif yang bersasar dapat dilaksanakan.





## Tahap Kesejahteraan Kewangan, Literasi dan Tingkah laku Kewangan yang Rendah

Literasi dan tingkah laku kewangan yang rendah merupakan antara cabaran utama dalam aspek kesejahteraan kewangan belia. Berdasarkan kepada analisis yang telah dilaksanakan, antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh belia ialah gaji tidak setimpal, perbelanjaan sara hidup yang tinggi, literasi dan tingkah laku kewangan yang rendah, beban hutang dan kebangkrupan, kemampumilikan aset, bantuan dan sokongan pendanaan serta pengangguran.

### Gaji tidak setimpal

Isu gaji sering dibangkitkan oleh belia terutamanya berkaitan penawaran nilai gaji yang tidak setimpal dengan kemahiran. Ini adalah antara punca gaji yang diterima adalah rendah. **Belia yang tidak mendapat gaji yang setimpal dengan kelulusan mereka juga akan menyumbang kepada peningkatan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran.** Isu gaji ini telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan antara usaha yang telah diambil adalah melalui pelaksanaan gaji minimum baharu pada kadar RM1,500 sebulan mulai 1 Mei 2022 (Kementerian Sumber Manusia, 2022).

### Perbelanjaan sara hidup yang tinggi

Pembelian barangan keperluan asas bagi kelangsungan hidup diperlukan tidak mengira perbezaan jantina, lokaliti mahupun taraf pendidikan. **Seramai 3 daripada 10** pekerja dewasa Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang bekerja perlu meminjam wang untuk membeli barangan keperluan asas (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2018).

Selain itu, hanya **24% rakyat Malaysia** dapat menampung perbelanjaan sara hidup untuk sekurang-kurangnya tiga (3) bulan atau lebih sekiranya kehilangan sumber pendapatan utama mereka (Jaringan Pendidikan Kewangan, 2019).

Kos sara hidup adalah merujuk kepada jumlah perbelanjaan isi rumah, termasuk obligasi kewangan seperti pinjaman kereta dan perumahan untuk mengekalkan taraf hidup pada tahap tertentu (Bank Negara Malaysia, 2018).




**3** daripada 10 pekerja dewasa Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas **perlu meminjam wang untuk membeli barangan keperluan asas**

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2018

### Literasi dan tingkah laku kewangan yang rendah

Tahap literasi kewangan belia Malaysia yang berumur 15 hingga 30 tahun berada pada tahap sederhana memuaskan. Skor indikator literasi kewangan adalah **62.72 bagi tahun 2022** iaitu lebih rendah berbanding 62.90 bagi tahun 2021. Penurunan skor juga turut berlaku pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2022).



Melihat kepada simpanan yang merupakan indikator utama aspek perilaku kewangan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit melaporkan **2 daripada 10 pekerja dewasa Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas** yang bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh enam (6) bulan sebelumnya (Agensi Kredit dan Pengurusan Kewangan, 2018).



**2** daripada 10 orang dewasa Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang **bekerja tiada simpanan**

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2018

Perilaku kewangan dalam membuat simpanan kadar minima turut memberi impak kepada kebolehan belia menyediakan sejumlah wang sekiranya berlaku kecemasan. Laporan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan 2021 oleh Bank Negara Malaysia yang melibatkan populasi sampel 15 tahun ke atas, menunjukkan **47% mendakwa menghadapi kesukaran untuk menyediakan RM1,000** sekiranya berlaku kecemasan berbanding 52% tahun 2018. **Hanya 69% menyatakan mampu menyimpan untuk perbelanjaan luar jangka** berbanding 71% pada tahun 2018. Ini menunjukkan terdapat penurunan peratus berhubung persediaan perbelanjaan luar jangka. Selain itu, kawalan diri dan disiplin dalam menguruskan kewangan menunjukkan **penurunan daripada 67% pada tahun 2018 kepada 64%** pada tahun 2021 (Bank Negara Malaysia, 2021).



**47%** belia sukar menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2021

Generasi belia di era digital yang terdedah dengan kemudahan pembelian dalam talian juga perlu diambil perhatian. Perbelanjaan atas talian yang tidak terkawal akan membuatkan kedudukan kewangan belia berada pada tahap yang tidak memuaskan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, **4 daripada 10 atau 39% belia dikategorikan sebagai pembeli kompulsif dalam talian** yang berpotensi mendedahkan mereka kepada kesan sosial yang negatif (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2024).



**39%** belia dikategorikan sebagai pembeli dalam talian kompulsif

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2024

### Beban hutang dan kebangkrapan

Dari aspek kebangkrapan, statistik menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 1.6% kes bankrap dalam kalangan mereka yang berumur kurang daripada 35 tahun. Statistik pada tahun 2023 menunjukkan sebanyak 727 kes atau 15.1% daripada jumlah keseluruhan 4,810 kes, berbanding pada tahun 2022 menunjukkan sebanyak 770 kes atau 13.5% daripada jumlah keseluruhan 5,695 kes. Walaupun terdapat pengurangan, namun isu berkaitan muflis ini masih perlu diberi perhatian yang sewajarnya untuk mengelakkan peningkatan belia muflis pada masa akan datang (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2024).

Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan 2021, mendapati **30% rakyat Malaysia** berumur 15 tahun dan ke atas merasakan hutang mereka membebaskan yang dilihat menjadi masalah jangka masa panjang dalam kalangan pekerja bergaji di Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2021).

Beban hutang dan muflis boleh membawa kesan dalam kalangan belia kepada psikologi dan fizikal belia. Kajian Profil Kesihatan Mental mendapati 61% responden berumur 15 hingga 40 tahun mengalami tekanan, kebimbangan atau kemurungan disebabkan masalah ekonomi (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2023).



**61%** belia mengalami tekanan, kebimbangan, atau kemurungan disebabkan masalah ekonomi

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2023

### Kemampuilian aset

Pemilikan aset atau harta seperti rumah, tanah dan kenderaan turut menjadi fokus dan cabaran dalam kalangan generasi belia. Pemilikan rumah dalam kalangan responden belia adalah kecil iaitu hanya **16% responden memiliki rumah**. Jumlah tersebut adalah kecil berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia. Hal ini kerana **majoriti belia iaitu 60% responden tidak mempunyai baki pendapatan yang mencukupi setelah melunaskan keperluan sara hidup yang asas** seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian bagi membolehkan mereka membayar ansuran bulanan pinjaman perumahan dan kesukaran menyediakan pendahuluan untuk membeli rumah (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2021).



**60%** responden belia tidak mempunyai baki pendapatan untuk menampung keperluan asas

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2021

Selain itu, terdapat **belia yang tidak layak untuk gadai janji kerana status semasa pekerjaan** seperti kontrak, sambilan, dalam tempoh percubaan atau di bawah kategori kerja tertentu. Majoriti responden yang memegang Ijazah Sarjana Muda ke atas turut tidak mempunyai kemampuan memiliki rumah. Ini berpunca daripada pendapatan yang rendah dan kos sara hidup yang sangat tinggi. Oleh itu, masih ramai responden yang tinggal bersama keluarga dan belum keluar berdikari sama ada secara menyewa kediaman atau membeli rumah (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2021).

### Bantuan dan sokongan pendanaan

Bantuan dan sokongan pendanaan diperlukan oleh belia khususnya diawal penglibatan dalam bidang perniagaan. Terdapat pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dan agensi misalnya pemberian geran kepada belia yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Seramai 704 usahawan muda berumur 18 hingga 40 tahun telah menerima geran di bawah Program Agropreneur Muda bagi tahun 2022 (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2023).

Selain itu, permohonan pembiayaan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad pada tahun 2022 menunjukkan penurunan permohonan dalam kalangan belia berumur 25 hingga 30 tahun berbanding pada tahun 2023.

### Pengangguran dalam kalangan belia

Salah satu isu dalam pembangunan ekonomi adalah berkaitan guna tenaga dan pengangguran. Isu ini terjadi di kebanyakan negara. Pada tahun 2022, **berlaku penurunan kadar pengangguran belia** berumur 15 hingga 30 tahun iaitu 7.3% atau 446.4 ribu orang daripada 8.1% atau 510.3 ribu orang pada tahun 2021. Kadar pengangguran belia sehingga September 2023 ialah 6.7% atau 440,000 orang. Antara isu berkaitan pengangguran yang dinyatakan oleh belia ialah kekurangan peluang pekerjaan. Walaupun terdapat penurunan kadar pengangguran dalam kalangan belia, isu ini masih membimbangkan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

#### Kadar pengangguran belia (15-30 tahun)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023




Statistik penganggur mengikut kategori umur dan jantina di Malaysia bagi tahun 2017-2022

Kategori Umur	Kategori	Lelaki						Perempuan						Jumlah Keseluruhan					
		2017	2018	2019	2020	2021	2022	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2017	2018	2019	2020	2021	2022
15-19	Belia	50.1	52.3	54.3	57.1	76.0	61.5	29.8	34.4	32.3	29.6	35.8	36.6	79.9	86.6	86.7	86.7	111.8	98.1
20-24		115.1	109.2	109.4	125.2	126.3	116.7	88.4	97.8	99.7	102.1	91.0	106.4	203.5	207.0	209.1	227.3	217.3	223.1
25-29		62.1	55.2	62.6	86.6	91.5	49.7	43.9	48.1	43.4	74.2	69.6	60.2	105.9	103.2	106.0	160.8	161.2	109.9
30-34		24.4	26.0	30.1	44.7	37.4	28.1	18.5	18.6	14.6	29.3	33.2	19.4	42.9	44.6	44.7	74.0	70.6	47.5
35-39		16.0	13.9	13.4	33.9	32.2	22.0	7.5	7.0	6.3	19.6	12.7	8.8	23.5	20.9	19.7	53.5	44.9	30.8
40-44	Selain Belia	9.6	11.9	11.8	15.8	18.9	13.9	5.3	4.6	4.5	6.7	8.1	4.2	14.9	16.5	16.3	22.4	26.9	18.2
45-49		12.1	7.5	7.9	17.1	17.7	11.2	6.2	2.3	2.1	6.9	11.3	5.8	18.3	9.8	10.1	24.0	29.0	17.0
50-54		6.2	7.1	7.5	16.2	11.5	16.5	2.3	2.0	1.8	8.0	13.3	10.3	8.4	9.1	9.3	24.3	24.8	26.8
55-59		3.4	3.8	2.4	16.8	12.4	28.7	0.5	0.6	1.6	4.7	4.0	2.7	3.9	4.4	4.1	21.5	16.5	31.4
60-64		0.7	1.4	1.6	11.3	14.0	25.6	0.5	0.6	0.6	5.1	16.0	2.0	1.2	2.0	2.2	16.4	30.0	27.6
<b>Jumlah</b>		<b>299.7</b>	<b>288.4</b>	<b>301.1</b>	<b>424.7</b>	<b>438.0</b>	<b>373.9</b>	<b>202.9</b>	<b>215.9</b>	<b>207.1</b>	<b>286.3</b>	<b>295.0</b>	<b>256.5</b>	<b>502.6</b>	<b>504.3</b>	<b>508.2</b>	<b>711.0</b>	<b>733.0</b>	<b>630.4</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022

● Jumlah tertinggi mengikut tahun

Peratusan penganggur mengikut kategori umur dan jantina di Malaysia bagi tahun 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022

● K - Jumlah keseluruhan peratusan



## Perkembangan Teknologi yang Pesat Memberi Lebih Cabaran Kepada Belia dalam Kemampunan Ekonomi Belia

Teknologi membantu belia untuk melakukan tugas-tugas dengan lebih pantas, cepat dan efisien. Berdasarkan kepada analisis yang telah dilaksanakan, terdapat beberapa cabaran berkaitan teknologi yang perlu ditangani seperti ketersediaan dan peningkatan bakat, jurang daya cipta dan inovasi, pemerksaan ekonomi digital, jaminan keselamatan siber, keupayaan untuk daya cipta serta keterbatasan capaian dari aspek infrastruktur.

### Ketersediaan bakat dan keperluan bakat dalam bidang teknologi

Bakat dalam bidang teknologi amat diperlukan. Transformasi pasaran buruh telah didorong oleh teknologi seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence* - AI), alam sekitar dan trend ekonomi (Forum Ekonomi Dunia, 2023).

Dari aspek ketersediaan bakat dengan teknologi, skor indikator literasi digital pada tahun 2022 menunjukkan terdapat sedikit penurunan skor berbanding tahun 2021. **Skor pada tahun 2022 ialah 70.43 berada pada tahap sederhana berbanding 72.65 pada tahun sebelumnya.** Ini menggambarkan belia Malaysia mempunyai literasi dalam aspek teknologi digital, namun masih perlu dipertingkatkan (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2022).

#### Skor indikator literasi digital

72.65  
(Sederhana)  
tahun 2021

↓

70.43  
(Sederhana)  
tahun 2022

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2022

### Jurang daya cipta dan inovasi dalam teknologi

Terdapat ruang peningkatan untuk mengatasi jurang antara daya cipta dan inovasi teknologi yang diperlukan dalam kalangan belia. Penciptaan produk baharu secara tidak langsung membuka peluang perniagaan dan meningkatkan daya saing untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Usaha-usaha pendigitalan dalam sektor perkhidmatan dan perniagaan perlu terus diterokai melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*research and development* - R&D) teknologi dalam bidang seperti analisis data raya, internet pelbagai benda (*internet of things* - IoT) dan AI. Sebanyak 69 juta pekerjaan baharu dijangka akan dicipta menjelang tahun 2027 dan 83 juta pekerjaan bakal dilenyapkan.

69 juta pekerjaan baharu dicipta menjelang 2027



83 juta pekerjaan bakal lenyap menjelang 2027

Sumber: Forum Ekonomi Dunia, 2023

### Pemerksaan ekonomi digital

Ekonomi digital membantu memudahkan proses perniagaan dan meningkatkan nilai ekonomi khususnya melalui pemasaran produk dan urus niaga. Ekonomi digital di Malaysia didefinisikan sebagai aktiviti ekonomi dan sosial yang melibatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi digital oleh individu, perniagaan dan kerajaan (Unit Perancang Ekonomi, 2021).

Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia telah mensasarkan **100% isi rumah mendapat capaian internet dan semua pelajar mendapat akses kepada pembelajaran dalam talian.**

100% isi rumah mendapat capaian internet



Sumber: Unit Perancang Ekonomi, 2021

KBS telah melaksanakan program ekonomi gig bermula tahun 2020. Melalui inisiatif yang dilaksanakan, seramai 2,046 orang belia berumur 18 hingga 30 tahun telah menyertai program myGIG Digital Freelance pada tahun 2020 sehingga 2021. Seramai 44,795 orang belia berumur 18 hingga 30 tahun menyertai program Jelajah Genta Belia tahun 2023 (Jabatan Belia dan Sukan Negara, 2023).

## Jaminan keselamatan siber

### i) Kurangnya kesedaran

Kesedaran tentang keselamatan siber **masih rendah** dalam kalangan rakyat Malaysia memandangkan ramai pengguna tidak mengamalkan kaedah penggunaan internet secara positif, beretika dan bertanggungjawab. Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) 2023 merekodkan insiden berkaitan keselamatan siber berlaku setiap tahun. Pada tahun 2020, sebanyak 10,790 insiden yang dilaporkan seperti penipuan, pencerobohan, gangguan siber dan lain-lain. Pada tahun 2023, insiden yang dilaporkan adalah sebanyak 5,917 kes.



Sumber: Malaysia Computer Emergency Response Team, 2023

Aduan awam berkaitan penggodaman merekodkan peningkatan 1,535 pada 2020 kepada 2,619 pada 2021 dan 3,215 pada 2022. Namun aduan direkodkan menurun pada tahun 2023 dengan jumlah aduan sebanyak 2,400 (Kementerian Komunikasi, 2023).

Selain itu, Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan 2021 menyatakan **satu daripada tiga (3)** atau **37% responden sanggup berkongsi kata laluan dan nombor pengenalan peribadi (personal identification number - PIN) akaun bank mereka dengan kawan rapat**. Manakala **62% responden tidak mengendahkan keselamatan laman sesawang** bank yang dilayari untuk membuat transaksi perbankan dalam talian (Bank Negara Malaysia, 2021).



Sumber: Bank Negara Malaysia, 2021

### ii) Kes penipuan siber

Isu penipuan siber ini memberi kesan kepada keselamatan negara termasuk kerugian aset, kewangan, data peribadi terdedah, tekanan emosi dan kegelisahan. Pusat Respons Scam Kebangsaan menerima sebanyak **3,482 panggilan membabitkan penipuan kewangan dalam talian dengan kerugian berjumlah RM27 juta** hanya pada tahun 2023. Pada Januari 2023, sejumlah 1,768 panggilan membabitkan penipuan direkodkan dengan jumlah kerugian RM11 juta, manakala pada Februari 2023 sejumlah 1,714 panggilan membabitkan penipuan dengan kerugian kira-kira RM15.9 juta (Pusat Respons Scam Kebangsaan, 2023).

### Keterbatasan capaian teknologi dan infrastruktur

Keterbatasan capaian dan liputan infrastruktur digital khususnya di kawasan pedalaman memerlukan tumpuan. Perbezaan capaian antara satu kawasan dengan kawasan yang lain iaitu yang mempunyai liputan dan tidak mempunyai liputan akan memberi kesan ke atas pembangunan ekonomi belia. Liputan yang meluas bukan sahaja dapat memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik, malah dapat memperkasa masyarakat khususnya yang tinggal di luar bandar untuk lebih mahir dalam penggunaan teknologi (PLANMalaysia, 2021).

Capaian serta penggunaan digital boleh dipertingkatkan iaitu dengan memastikan belia di lokasi pedalaman mempunyai akses dan meningkatkan literasi mereka untuk mengambil bahagian secara dalam talian. Peratusan penggunaan internet belia berumur 15 hingga 39 tahun bagi tahun 2022 menunjukkan penurunan iaitu sebanyak 57.8% berbanding dengan 76.6% penggunaan pada tahun 2020 (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2023).




## Persaingan Ekonomi yang Kompetitif Memerlukan Peningkatan Pembangunan Kendiri bagi Membentuk Karakter

Pembangunan sendiri merupakan aspek penting yang diperlukan untuk melahirkan belia yang berkeyakinan, cekap, kompetitif, bertimbang rasa dan berketerampilan. Dalam mendepani cabaran semasa, belia memerlukan kekuatan dan keupayaan seperti dalam aspek daya tahan dan daya tindak, corak pemikiran, kekuatan emosi, mental dan fizikal serta kerohanian. Ia merupakan usaha berterusan yang diperlukan dalam mengenali kekuatan dan kelemahan diri serta berusaha untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik.

### Daya tahan

Keupayaan belia untuk menangani sesuatu krisis bergantung kepada kemahiran dan keupayaan mereka. Belia yang mempunyai daya tahan mampu mengatasi dan mencari jalan penyelesaian dengan mengambil tindakan yang terbaik dan tidak mudah mengalah. Selain itu, keyakinan diri juga perlu dipertingkatkan bagi mempersiapkan diri dalam meneroka ilmu dan pengalaman baru termasuk bersaing dalam bidang keusahawanan.

Indikator berdaya di dalam IBM dibangunkan untuk mengukur kemampuan belia untuk terus komited dalam melaksanakan sesuatu walaupun menempuh pelbagai cabaran dan halangan. Skor pencapaian indikator berdaya adalah **75.34 pada tahun 2022 berbanding 67.52 pada tahun 2021**.



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2022

### Perwatakan diri dalam pembangunan negara

Belia juga perlu mempunyai **pola pemikiran yang berkembang** berbanding pola pemikiran tetap. Belia yang mempunyai pola pemikiran yang berkembang akan memandang kebolehan, kecerdasan dan bakat sebagai nilai yang boleh dipelajari dan mampu diperbaiki melalui usaha. Sebaliknya, seseorang yang mempunyai pola pemikiran tetap akan memandang sesuatu perkara itu tidak boleh berubah dari semasa ke semasa.


**Keyakinan** dipupuk melalui minda yang positif. Belia yang berkeyakinan berupaya untuk menetapkan matlamat dan prestasi demi mencapai kesejahteraan kewangan. Keyakinan belia berupaya memotivasikan diri dan mendorong mereka bergerak ke hadapan dan mencapai matlamat hidup.

Dalam Taksonomi Kemahiran Global, cabang kemahiran, pengetahuan dan kebolehan antara yang diperlukan ialah **efikasi diri** iaitu rasa ingin tahu dan pembelajaran sepanjang hayat, kebolehpercayaan dan perhatian terhadap perincian, motivasi dan kesedaran diri, ketahanan, fleksibiliti serta ketangkasan. Selain itu, **kemahiran berkerja bersama orang lain** yang mempunyai ciri empati dan mendengar aktif, kepimpinan dan pengaruh sosial, serta pengajaran dan bimbingan. Kemahiran yang seterusnya adalah **etika** seperti etika penjagaan alam sekitar dan sebagai kewarganegaraan global (Forum Ekonomi Dunia, 2023).

### Keciciran belia dan golongan rentan


Peratus belia berumur 15 hingga 24 tahun dalam **kategori NEET masih tinggi** iaitu 11.6% pada tahun 2019, 13.6% pada tahun 2020, 9.3% pada tahun 2021 dan 10.2% pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Selain itu, isu kecaciran di peringkat sekolah melibatkan **pelajar menengah adalah sebanyak 0.83% pada tahun 2023** manakala **pelajar rendah sebanyak 0.06%** (Kementerian Pendidikan, 2023). Salah satu isu dalam membantu belia NEET keluar daripada kategori ini ialah dengan mengenalpasti latar belakang dan demografi mereka. Pengumpulan maklumat dan profil belia NEET perlu dilaksanakan agar inisiatif bersasar dapat dilaksanakan oleh pemegang taruh dalam membantu golongan ini.

#### Peratusan belia dalam kategori NEET



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022

#### Keciciran murid di sekolah bagi tahun 2016-2023



Nota: Data murid sekolah di bawah Kementerian Pendidikan sahaja. Data yang diterima untuk pengiraan adalah berbentuk agregat. Terdapat mobiliti murid daripada satu negeri ke negeri yang lain.  
Sumber: Kementerian Pendidikan, 2023


Selain itu, terdapat juga generasi belia yang berdepan dengan isu kewangan dalam tempoh masa panjang dan berada dalam kemiskinan. Berdasarkan statistik pada tahun 2022, jumlah Kemiskinan Nasional Ketua Isi Rumah (KIR) berumur 15 hingga 40 tahun adalah seramai 67,424 orang. Manakala jumlah Kemiskinan Nasional Ahli Isi Rumah (AIR) seramai 685,763 orang berumur 15 hingga 40 tahun bagi tahun 2022 (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2023).



Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2023

### Jurang ketidapadanan antara kemahiran belia dan keperluan industri

Ketidapadanan antara kemahiran belia dan keperluan industri sering menjadi tumpuan apabila isu penawaran pekerjaan dan guna tenaga dibangkitkan. Kajian *Upskilling* dan *Reskilling* untuk Peluang Pekerjaan Golongan Belia tahun 2021, mendapati 44.7% mempunyai tahap kesepadanan di tahap yang rendah dan 11.7% terlebih kemahiran di mana kemahiran yang dimiliki lebih tinggi daripada tahap kemahiran yang diperlukan (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2021).



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2021



## Perubahan Persekitaran dan Iklim Memberi Ketidaktentuan Tahap Sosioekonomi Belia dan Ekonomi Negara

Persekitaran dan perubahan iklim turut mempengaruhi kemampuan ekonomi belia. Krisis perubahan iklim antaranya memberi kesan ke atas punca pendapatan dalam pelbagai sektor khususnya dalam sektor pertanian, pembinaan, pembuatan, perlombongan dan lain-lain sektor. Selain itu, persekitaran yang selamat juga boleh mempengaruhi tahap ekonomi belia.

### Krisis perubahan iklim

Krisis perubahan iklim boleh membawa risiko kepada individu, masyarakat dan negara. Kehilangan mata pencarian, penurunan tahap kesihatan, pendidikan, perniagaan dan infrastruktur yang terjejas membawa impak langsung kepada para belia. Banjir besar yang melanda Malaysia pada Disember 2021 telah membawa nilai kerugian keseluruhan sejumlah RM6.1 bilion (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Justeru itu, generasi belia perlu menitikberatkan kepentingan usaha penjagaan, pemeliharaan, pemuliharaan alam sekitar dan memberi perhatian kepada kesan perubahan iklim.

### Kesedaran konsep pembangunan mampan

Kesedaran dan pemahaman belia berhubung konsep pembangunan mampan dapat membantu matlamat tersebut direalisasikan khususnya ke atas beberapa matlamat yang dibangunkan. Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDG) telah diterima pakai di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 25 September 2015. Antara agenda SDG yang berkait langsung dengan belia seperti **sifar kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan yang baik dan kesejahteraan, kualiti pendidikan, kesaksamaan gender, pekerjaan yang sesuai dan pertumbuhan ekonomi serta tindakan iklim.**

### Persekitaran yang tidak selamat

Keterlibatan belia dalam masalah sosial dan jenayah indeks sama ada jenayah harta benda atau kekerasan akan menyebabkan persekitaran belia yang lain dan masyarakat turut terancam dan menimbulkan rasa tidak selamat. Penglibatan belia berumur 15 hingga 40 tahun dalam jenayah indeks menurun pada **tahun 2022 berbanding 2021 iaitu daripada 15,999 kes kepada 15,309 kes.** Kesalahan curi yang direkodkan iaitu 88,261 orang atau 27.4% merupakan jenayah

yang tertinggi bagi tahun 2016 hingga 2022 dan kesalahan curi motosikal adalah kes tertinggi iaitu 10,327 kes atau 31.5%. Peningkatan penglibatan dan tangkapan kes juvana berumur 7 hingga 18 tahun dalam jenayah indeks meningkat pada **tahun 2022 berbanding 2021 iaitu daripada 1,196 kes kepada 1,399 kes** (Polis Diraja Malaysia, 2023).

### Perubahan landskap pekerjaan

Diramalkan terdapat perubahan landskap pekerjaan masa depan menjelang tahun 2030 yang dipengaruhi oleh perkembangan teknologi, persekitaran, ekonomi, kesihatan, sosial dan geopolitik. Belia perlu bersedia untuk mendepani masa depan atau merebut peluang pekerjaan masa depan serta bersedia mencipta pekerjaan baru.

Menurut McKinsey & Company (2020), dianggarkan **kira-kira 6 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan menjelang 2030.** Tiga (3) faktor dijangka akan memacu penciptaan pekerjaan, antaranya:

- (i) peningkatan pendapatan pengguna dan kesannya terhadap barangan pengguna;
- (ii) peningkatan perbelanjaan pendidikan; dan
- (iii) penuaan populasi yang akan mewujudkan permintaan baharu untuk pekerjaan termasuk doktor, jururawat dan pembantu penjagaan diri.

Merujuk kepada *Newsletter* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, **26% daripada jumlah 15.3 juta tenaga buruh Malaysia** merupakan sebahagian daripada pekerja ekonomi gig atau **hampir 4 juta pekerja bebas.** Tenaga kerja ekonomi gig di Malaysia telah berkembang sebanyak 31% pada 2017, mengatasi pertumbuhan dalam tenaga kerja konvensional. Artikel tersebut juga menyatakan pemandu perniagaan penghantaran atau *e-hailing* yang bekerja dalam ekonomi gig Malaysia adalah seramai 160,000 orang (*Newsletter DOSM/MBLS/1.2020/Series 8*).



## Pemantapan Polisi dalam Memperkukuhkan Sosioekonomi Belia dan Ekonomi Negara

Bagi melancarkan proses dan kecekapan dalam menggerakkan usaha-usaha pertumbuhan ekonomi belia, tata kelola yang terurus dan berkesan amat diperlukan. Pelbagai aspek pengurusan tata kelola yang perlu diambil kira termasuk dalam aspek polisi, kolaborasi dan infrastruktur yang kondusif bagi membantu meningkatkan sumber kewangan serta pengukuhan ekonomi belia.

### Pelarasan gaji dan upah

Isu berkaitan gaji tidak setimpal kerap diutarakan. Lazimnya, gaji mempunyai hubungan langsung dengan produktiviti di mana gaji semakin meningkat selari dengan produktiviti. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan gaji pekerja seperti PGM dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (*Productivity Linked-Wage System - PLWS*).

Kementerian Ekonomi (KE) telah membentangkan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif pada November 2023 untuk maklumkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan gaji pekerja selari dengan peningkatan produktiviti. Dasar Gaji Progresif ini merupakan pelengkap kepada PGM dan PLWS. Dasar Gaji Progresif yang diperkenalkan adalah bersifat sukarela berteraskan insentif dan terkait dengan produktiviti. Pelaksanaan projek rintis akan dilaksanakan dan penilaian terhadap keberkesanan projek rintis akan dibuat sebelum keputusan mengenai pelaksanaan Dasar Gaji Progresif secara menyeluruh dilaksanakan (Kementerian Ekonomi, 2023).

### Kerjasama industri, institusi latihan dan pendidikan

Kolaborasi antara industri, institusi latihan dan pendidikan dicadang terus diperkukuh dan diperkasakan khususnya melibatkan bidang pengajian dan kemahiran yang mempunyai penawaran dan permintaan. Seramai 20,190 pelatih menerima manfaat daripada Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melibatkan kerjasama antara institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training - TVET*) dan industri. Pada tahun 2022, penubuhan TVET Collaboration Hub (TCH) dan Government-Industry TVET Coordination Body diluluskan (Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2023).

### Penawaran kursus institusi bagi kebolehpasaran

Cadangan penyelarasan semula penawaran kursus institusi TVET bertujuan meningkatkan kebolehpasaran belia bertepatan dengan keperluan dan permintaan industri. Kadar kebolehpasaran graduan TVET pada tahun 2022 adalah **92.5%** berbanding **88.0%** pada tahun 2021. Peningkatan kadar kebolehpasaran graduan adalah sebanyak **4.5%** (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023).

Seramai 176,256 atau 61.6% daripada 286,299 graduan warganegara telah bekerja pada tahun 2021 berbanding 60.0% pada tahun 2020. Sebanyak **18.8%** graduan melanjutkan pengajian, **3.3%** menunggu penempatan pekerjaan, **1.8%** sedang mengikuti pelbagai program meningkatkan kemahiran dan selebihnya, iaitu 41,467 graduan atau **14.5%** belum bekerja (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021).


### Penglibatan suara belia dalam pembangunan polisi negara

Penglibatan belia dalam proses pembangunan polisi negara perlu dipertingkatkan terutamanya dalam pembangunan ekonomi negara. **1,494 orang belia** telah terlibat dalam Majlis Perundingan Belia Negara pada tahun 2022 iaitu 220 orang di peringkat kebangsaan dan 1,274 orang di peringkat negeri berbanding pada tahun 2021 seramai **1,258 orang** iaitu 143 orang di peringkat kebangsaan dan 1,115 orang di peringkat negeri (Jabatan Belia dan Sukan Negara, 2022).

**99 orang belia** telah terlibat sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) bagi tahun 2023. Persidangan APBM mula diperkenalkan pada tahun 2015, sebanyak 12 siri persidangan telah dianjurkan melibatkan penyertaan seramai 526 orang peserta (Jabatan Belia dan Sukan Negara, 2023).

## CABARAN SOSIOEKONOMI BELIA: SATU PELUANG

Berdasarkan isu dan cabaran yang telah dikenal pasti, terdapat pelbagai peluang yang boleh diambil bagi membantu meningkatkan sosioekonomi belia dalam jangka masa panjang.



**“ Mereka (belia) akan dilengkapkan dengan ilmu dan kemahiran bagi meningkatkan potensi keterlibatan dalam kegiatan berkaitan teknologi yang dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi. ”**

**YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri**

Pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12)  
20 September 2023, Dewan Rakyat





# MEMPERKASA SOSIOEKONOMI BELIA

STRATEGI DAN INISIATIF BERSASAR ◀

KERANGKA PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030 ◀

SASARAN TERPILIH ◀

MENYOKONG POLISI SEDIA ADA ◀

## STRATEGI DAN INISIATIF BERSASAR

Belia memerlukan kekuatan dalaman dan luaran bagi mendepani cabaran dalam pelbagai aspek kehidupan. Kekuatan dalaman boleh dibangunkan dengan menekankan keupayaan setiap individu dari aspek psikologi, minda, emosi dan rohani. Manakala kekuatan luaran yang melibatkan aspek sokongan pelbagai pihak seperti keluarga, rakan, masyarakat dan persekitaran turut diperlukan bagi menyokong dan meningkatkan kekuatan diri generasi muda.

Sebagai generasi pewaris masa hadapan negara sudah pasti generasi belia perlu menyahut usaha-usaha yang dilaksanakan bagi mempertingkatkan jati diri mereka. Usaha menempatkan diri seiring dengan pembangunan negara amat diperlukan dan ini secara tidak langsung berupaya membantu mereka untuk sentiasa berdaya saing. Walaupun begitu, sekiranya wujud kekangan penyertaan belia khususnya dalam bidang ekonomi, sudah semestinya perkara ini akan mempengaruhi pencapaian yang telah disasarkan.

Mengambil kira lapan (8) kumpulan sasaran belia yang berbeza mengikut keperluan dan keupayaan, maka inisiatif yang dibangunkan menggunakan pendekatan bersasar mengikut kepelbagaian dan keunikan latar belakang belia. Kumpulan yang berbeza memerlukan pendekatan yang berbeza.

Sehubungan itu, pembangunan polisi yang strategik dan mengambil kira kumpulan sasaran untuk jangka masa panjang amat diperlukan khususnya dalam membantu generasi belia berhadapan dengan krisis seperti kemerosotan ekonomi mahupun krisis kesihatan seperti COVID-19. Impak kepada penghasilan polisi yang bersasar akan dapat membantu negara melahirkan belia yang kalis masa depan iaitu sentiasa berada dalam situasi bersedia dalam menghadapi sebarang bentuk cabaran khususnya cabaran sosial dan ekonomi.

Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 dibangunkan selaras dengan pembentukan Ekonomi MADANI. Berdasarkan usaha menstrukturkan semula ekonomi dan meningkatkan kehidupan yang berkualiti untuk rakyat, maka pelan ini memfokuskan generasi belia sebagai kumpulan sasaran. Peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup belia khususnya dalam aspek sosioekonomi merupakan fokus dalam rangka pelan ini. Nilai-nilai MADANI seperti kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan juga telah diambil kira di dalam pembentukan Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030.



### EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

Menaikkan Siling  
Peneraju Ekonomi Asia

Menstruktur semula  
ekonomi

Untuk berjaya memerlukan  
**pendekatan seluruh Malaysia**  
(Rakyat, Kerajaan & Industri)



Dengan semangat perpaduan



Tatakelola yang baik  
(membanteras rasuah)



Sistem penyampaian awam yang  
tangkas & kolaboratif

Menaikkan Lantai  
Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

Kehidupan yang berkualiti  
untuk rakyat

**Malaysia Berasaskan Nilai MADANI**

(Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Nilai Hormat, Keyakinan & Ihsan)

Pelan Pemerksaan Sosioekonomi Belia 2030 mengandungi inisiatif dalam membantu generasi belia mendepani cabaran ekonomi dan sosial melalui peluasan peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran dan kompetensi, pemerksaan pendigitalan dan kelestarian, pengiktirafan dan penyerlahan potensi belia, serta pemantapan literasi kewangan dan pengurusan kredit. Visi pelan ini adalah untuk membentuk dan memperkukuh generasi belia sebagai '**Belia Berdaya Saing, Sejahtera dan Mampun**'. Kebolehan dan keupayaan belia berdaya saing membantu untuk menghadapi rintangan dan halangan dalam berhadapan cabaran semasa yang kompetitif. Konsep kesejahteraan menekankan aspek keamanan, kemakmuran, kesenangan dan ketenteraman serta kemampunan yang merujuk kepada ekonomi belia berterusan dan berpanjangan.

Pelan ini menyasarkan generasi belia berumur 15 hingga 30 tahun yang terdiri daripada belia massa, belia bersekolah, belia pengajian tinggi, belia berkerjaya, perkumpulan belia, belia berisiko, belia Malaysia antarabangsa dan belia minoriti serta golongan terpinggir.

Pelan ini mengandungi tiga (3) matlamat yang menjadi teras utama iaitu:

**(i) Matlamat 1: Menjana Ekonomi Belia**

Matlamat ini memberi penekanan kepada usaha untuk memperluaskan peluang pekerjaan dan mempelbagai sumber pendapatan belia. Selain itu, usaha turut diambil dengan memperkasa aktiviti pembangunan usahawan belia menerusi adaptasi teknologi dalam perusahaan. Pemantapan pengurusan kewangan turut diberi perhatian bagi meningkatkan literasi dan kesejahteraan kewangan belia. Sebanyak sembilan (9) inisiatif dilaksanakan di bawah matlamat ini.

**(ii) Matlamat 2: Memperkukuh Kesejahteraan dan Inklusiviti Belia**

Matlamat ini akan dicapai melalui usaha mengembangkan bakat belia menerusi elemen kemahiran termasuk meningkatkan literasi teknologi dalam kalangan belia. Selain itu, pelbagai usaha lain akan turut dilaksanakan dalam memperkukuh daya tahan dan daya saing bagi menyerlahkan potensi belia. Bagi mencapai matlamat ini juga, usaha turut dipergiatkan untuk meningkatkan penyertaan belia wanita dalam merekayasa pembangunan belia yang lebih inklusif. Pendekatan ini memberi peluang yang sama rata kepada semua golongan belia untuk terlibat dalam mempergiatkan perkembangan ekonomi belia. Sebanyak 10 inisiatif dilaksanakan di bawah matlamat ini.

**(iii) Matlamat 3: Mempergiat Pembangunan Mampun**

Matlamat ini selaras dengan hasrat negara dalam memastikan pembangunan dilaksanakan memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan keperluan masa hadapan. Pembangunan ekonomi perlu diimbangi dengan aspek sosial dan alam sekitar agar ia dapat memelihara dan memulihara sumber yang boleh dimanfaatkan tanpa meninggalkan kesan kepada generasi hadapan. Sebanyak lima (5) inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah matlamat ini.

Selain itu, pelan ini turut menyentuh elemen pemangkin sebagai sokongan yang berterusan melalui tindakan mengkaji, menambahbaik dan membangunkan polisi serta garis panduan, memperkukuh mekanisme tatakelola pemerksaan sosioekonomi belia dan memantapkan kemudahan infostruktur serta infrastruktur dalam menawarkan perkhidmatan yang mampun kepada generasi belia.

Matlamat dan strategi yang dibangunkan akan membantu golongan belia untuk berdaya saing dalam aspek sosioekonomi serta bagi mencapai keterjaminan masa depan yang lebih sejahtera berlandaskan sandaran asas pembangunan belia positif iaitu penyayang, cekap, perwatakan, keyakinan, kerjasama, bertimbang rasa, kompetitif dan sumbangan.

**“Pembentukan strategi dan inisiatif bersasar dijangka dapat membantu generasi muda bangkit dan bersaing dalam sektor ekonomi untuk keterjaminan masa depan yang lebih sejahtera”**

## VISI

## KERANGKA PELAN PEMERKASAAN SOSIOEKONOMI BELIA 2030

Matlamat	Menjana Ekonomi Belia			
	S1	S2	S3	S4
<b>Strategi</b>	<b>Memperluaskan peluang pekerjaan</b>	<b>Mempelbagaikan punca pendapatan</b>	<b>Memperkasakan aktiviti pembangunan usahawan</b>	<b>Memantapkan literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan</b>
<b>Inisiatif</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkembangkan bidang pekerjaan dalam sektor ekonomi strategik dan sektor baharu muncul</li> <li>Meningkatkan penglibatan belia dalam pekerjaan berkemahiran tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi pendedahan kepada belia dalam menjana pendapatan alternatif</li> <li>Memanfaatkan ekonomi digital dalam menjana pendapatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melahirkan usahawan belia yang kompeten dan berdaya saing</li> <li>Memperkasa syarikat pemula dan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui teknologi dan inovasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan ekosistem pendidikan kewangan yang berfokus kepada penambahbaikan perilaku kewangan yang berhemat</li> <li>Memberi bimbingan dan kesedaran berhubung keperluan penjaanaan aset, pelaburan, perlindungan kewangan dan penipuan kewangan</li> <li>Memberi bimbingan dan kesedaran berhubung persediaan kewangan menuju persaraan</li> </ul>
<b>Pemangkin</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji, menambahbaik dan membangunkan polisi serta garis panduan</li> <li>Memperkukuh mekanisme tatakelola pemerkasaan ekonomi belia</li> <li>Memantapkan kemudahan infostruktur dan infrastruktur dalam menawarkan perkhidmatan yang mampan.</li> </ol>			
<b>8 Kumpulan Sasar</b>	<b>Belia Massa</b>	<b>Belia Berisiko</b>	<b>Belia Bersekolah</b>	<b>Belia Bekerjaya</b>
<b>Sandaran Asas</b>	Pembangunan Belia Positif ( <i>Positive Youth Development - PYD</i> ) (8C)			
	<b>Penyayang</b>	<b>Cekap</b>	<b>Kerjasama</b>	<b>Bertimbang rasa</b>

**Sejauh manakah matlamat bagi memperkasakan ekonomi belia dapat dicapai?**

Mengambil kira lapan (8) kumpulan sasaran belia yang berbeza mengikut keperluan dan keupayaan, maka inisiatif yang dibangunkan menggunakan pendekatan bersasar mengikut kepelbagaian dan keunikan latar belakang belia. Kumpulan yang berbeza memerlukan pendekatan yang berbeza.


# BELIA BERDAYA SAING, SEJAHTERA DAN MAMPAN

Memperkukuh Kesejahteraan dan Inklusiviti Belia				Mempergiat Pembangunan Mampan	
S1	S2	S3	S4	S1	S2
<b>Meningkatkan tahap ketersediaan bakat masa hadapan</b>	<b>Memperkukuh daya tahan dan daya saing bagi penyerlahan potensi belia</b>	<b>Meningkatkan penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi dan pembuatan keputusan</b>	<b>Merekayasa pembangunan belia inklusif</b>	<b>Meningkatkan penglibatan belia dalam ekonomi hijau</b>	<b>Mewujudkan peluang penglibatan belia dalam ekonomi kitaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Memperkukuhkan penyampaian latihan kemahiran TVET secara holistik yang menerapkan kemahiran teknikal, kemahiran hidup dan latihan amali</li> <li>▶ Mempelbagaikan pembangunan bakat dan keupayaan belia bagi memenuhi permintaan industri sedia ada dan industri baharu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Melahirkan dan memupuk belia yang berpotensi penuh</li> <li>▶ Memanfaat kepakaran belia dalam pemerksaan ekonomi negara</li> <li>▶ Menyedia ruang dan peluang kepada belia untuk bersuara dalam pembuatan keputusan ekonomi negara</li> <li>▶ Mengiktiraf belia yang terlibat dalam aktiviti ekonomi berimpak tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Memperkasakan penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi</li> <li>▶ Memberi pengiktirafan kepada belia wanita dalam sektor ekonomi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Merapatkan jurang pendidikan dan ekonomi dalam kalangan belia minoriti dan terpinggir serta belia berisiko</li> <li>▶ Memperkasa sistem sokongan khidmat nasihat kepada belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Meningkatkan kesedaran, pemahaman dan pengetahuan belia dalam ekonomi hijau</li> <li>▶ Meningkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam ekonomi teknologi hijau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Menerapkan kesedaran kebolehpasaran produk berasaskan ekonomi kitaran</li> <li>▶ Memperkasakan sistem sokongan sedia ada dalam menyokong syarikat pemula ekonomi kitaran</li> <li>▶ Meningkatkan pendedahan terhadap kepentingan keterjaminan makanan</li> </ul>
<b>Belia Pengajian Tinggi</b>		<b>Belia Malaysia Antarabangsa</b>		<b>Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir</b>	
<b>Perwatakan</b>		<b>Kompetitif</b>		<b>Keyakinan</b>	
				<b>Sumbangan</b>	


Sehubungan itu, pembangunan polisi yang strategik dan mengambil kira kumpulan sasaran untuk jangka masa panjang amat diperlukan khususnya dalam membantu generasi belia berhadapan dengan krisis seperti kemerosotan ekonomi mahupun krisis kesihatan seperti COVID-19. Impak kepada penghasilan polisi yang bersasar akan dapat membantu negara melahirkan belia yang kalis masa depan iaitu sentiasa berada dalam situasi bersedia dalam menghadapi sebarang bentuk cabaran khususnya cabaran sosial dan ekonomi.

## SASARAN TERPILIH


Bagi mencapai matlamat Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030, sembilan (9) sasaran terpilih ditetapkan iaitu mengurangkan kadar pengangguran belia, mengurangkan peratusan belia dalam kategori NEET, menurunkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran belia, meningkatkan purata gaji dan upah belia, meningkatkan skor literasi kewangan belia, meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh belia, meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh belia wanita, meningkatkan bilangan pencarum skim perlindungan sosial belia dan mewujudkan pangkalan data ekonomi hijau belia.




**Kadar Pengangguran Belia (15-30 tahun)**




**Peratusan Belia dalam Kategori NEET (15-24 tahun)**




**Kadar Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran Belia (15-30 tahun)**




**Purata Gaji dan Upah Belia (15-30 tahun)**




**Skor Indikator Literasi Kewangan Belia (15-30 tahun)**




**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Belia (15-30 tahun)**



**Kadar Penyertaan Belia Wanita dalam Tenaga Buruh (15-30 tahun)**




**Bilangan Pencarum Skim Perlindungan Sosial Belia (15-30 tahun)**



**Pangkalan Data Ekonomi Hijau Belia (15-30 tahun)**  
\*rangka kerja


**Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982-2022 dan Januari 2021-November 2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023


Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.1% kepada 10.6% atau 308.5 ribu penganggur belia pada November 2023, manakala pada Oktober 2023 mencatat 313.3 ribu penganggur belia. Pada masa yang sama, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun menurun kepada 6.5% atau 432.0 ribu penganggur belia, manakala pada Oktober 2023 mencatat 6.6% atau 439.6 ribu orang.

**Skor indikator literasi kewangan tahun 2015-2023**



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2023

**Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina bagi kategori umur 15-30 tahun, 2010-2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

## MENYOKONG POLISI SEDIA ADA



### Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif

Strategi F2: Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing  
Inisiatif: Memperkukuh Pembangunan dan Penyertaan Belia



**Menaikkan Siling, Menambahbaik Tatakelola dan Menaikkan Lantai**

### Memperkukuhkan dan Menyerlahkan Potensi Belia

#### 9 Bidang Keutamaan Belia

Pendidikan dan Latihan Kemahiran, Kenegaraan dan Jati Diri, Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera, Kepemimpinan, Kesukarelawanan dan Masyarakat Sivil, Keusahawanan, Penyelidikan dan Inovasi, Profesionalisme Kerja Belia dan Pengiktirafan.



### Bab 3: Melonjakkan Daya Tahan Ekonomi untuk Pertumbuhan Mampan

Strategi A8: Mempregiat Aktiviti Pertanian Pintar  
Inisiatif: Menarik Minat Bakat dalam Pertanian Moden

### Bab 6: Membangunkan Masyarakat Inklusif dan Lebih Berdaya Tahan

Strategi G2: Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing  
Inisiatif: Memperkukuh Pembangunan dan Penyertaan Belia



### Memacu Belia Malaysia Sebagai Pemangkin Masyarakat Sejahtera

Teras 1: Pendidikan dan Latihan Berkualiti  
Teras 2: Penciptaan Pekerjaan dan Transformasi Keusahawanan



**SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS**

### Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

- Empat (4) matlamat berkaitan pemerkasaan sosioekonomi belia
- ▶ Matlamat 4: Kualiti Pendidikan
  - ▶ Matlamat 8: Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi
  - ▶ Matlamat 13: Tindakan Iklim
  - ▶ Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh

Majoriti ahli ekonomi berpendapat bahawa krisis pasca COVID-19 telah membawa kepada kegawatan ekonomi yang lebih mencabar berbanding pra-pandemik COVID-19. Kesan jangka panjang ke atas ekonomi belia akibat COVID-19 ini tidak boleh diambil mudah. Justeru itu, Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 dibangunkan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih sihat dan membantu belia untuk bangkit semula selepas terjejas akibat krisis COVID-19.



# MATLAMAT 1: MENJANA EKONOMI BELIA

Strategi 1: Memperluaskan Peluang Pekerjaan ◀

Strategi 2: Mempelbagaikan Punca Pendapatan ◀

Strategi 3: Memperkasakan Aktiviti Pembangunan Usahawan ◀

Strategi 4: Memantapkan Literasi Kewangan dan Kesejahteraan Kewangan ◀



## MATLAMAT 1: MENJANA EKONOMI BELIA

Dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan menetapkan matlamat untuk menjana ekonomi belia sepanjang tempoh 2025 hingga 2030. Bagi mencapai matlamat tersebut, penekanan akan diberi untuk memperluaskan peluang pekerjaan dan mempelbagai punca pendapatan belia. Di samping itu, langkah yang turut diambil ialah memperkasakan aktiviti pembangunan usahawan belia melibatkan belia yang baru berkecimpung dalam dunia perniagaan, memantapkan usahawan sedia ada dan menggalakkan adaptasi teknologi dalam perusahaan. Pemantapan literasi kewangan turut diberi perhatian bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan belia.

Strategi  
**S1**

**Memperluaskan peluang pekerjaan**

Strategi  
**S2**

**Mempelbagaikan punca pendapatan**

Strategi  
**S3**

**Memperkasakan aktiviti pembangunan usahawan**

Strategi  
**S4**

**Memantapkan literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan**

### Strategi 1

#### Memperluaskan peluang pekerjaan

Perubahan ke atas landskap pekerjaan akan mempengaruhi keterlibatan belia dalam sektor ekonomi. Pendekatan yang lebih bersasar akan diambil dalam **memperkembangkan bidang pekerjaan dalam sektor ekonomi strategik dan sektor baharu muncul** bagi keperluan belia. Berdasarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu (*New Industrial Master Plan - NIMP*) 2030 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), terdapat 21 sektor ekonomi strategik yang dapat memperluaskan hubungan domestik serta melahirkan pekerja berkemahiran tinggi.

Selain NIMP 2030, terdapat dasar atau pelan lain dengan komponen peningkatan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat, antaranya Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Fasa 1 oleh Kementerian Ekonomi. Melalui pelan tersebut, peluang pelaburan melebihi RM25 bilion dan pewujudan 23,000 peluang pekerjaan adalah disasarkan.

Inisiatif ini secara langsung dapat **meningkatkan penglibatan belia dalam pekerjaan berkemahiran tinggi** seiring dengan hasrat kerajaan untuk mempersiapkan tenaga kerja belia berkemahiran tinggi seiring persekitaran baru revolusi perindustrian (*industrial revolution - IR*). Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan mobiliti pekerja atau *brain drain* dalam kalangan belia.

Dasar Bioteknologi Negara 2.0 oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga ada menyenaraikan langkah dasar untuk menyediakan latihan kemahiran bagi memperkasakan bakat tempatan dalam mendapatkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dalam bidang bioteknologi. Manakala Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) juga telah menggariskan mengenai pembangunan tenaga mahir untuk sektor pengangkutan, khususnya dalam memenuhi keperluan industri pengangkutan bagi menghadapi trend semasa dan akan datang seperti pendigitalan dan kenderaan autonomi, selain untuk mempersiapkan modal insan menerima pakai teknologi masa hadapan.



Selain itu, Dasar Agromakanan Negara 2.0 diluncurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memfokuskan pada pembangunan bakat yang memenuhi permintaan industri, dengan spesifiknya menekankan penyertaan bakat muda atau belia yang celik teknologi dan berpotensi untuk menginovasikan dan memodenkan industri pertanian dan agromakanan.

## Strategi 2

### Mempelbagaikan punca pendapatan

Bagi membantu belia mendepani isu dan cabaran kos sara hidup, kerajaan komited dalam menyediakan program dan latihan bersasar untuk **memberi pendedahan kepada belia dalam menjana pendapatan alternatif**. Kepelbagaian punca pendapatan dapat membantu belia meningkatkan sosioekonomi keluarga dan merapatkan jurang ekonomi.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacuan pendigitalan, maka adaptasi teknologi digital dalam pekerjaan perlu dipertingkatkan. Inisiatif bagi **memanfaatkan ekonomi digital dalam menjana pendapatan** merupakan salah satu langkah yang diambil bagi meningkatkan pendapatan belia.

## Strategi 3

### Memperkasakan aktiviti pembangunan usahawan

Pelbagai usaha dan inisiatif perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi menggalakkan penglibatan belia dalam bidang keusahawanan. Latihan dan kemahiran serta skim pembiayaan merupakan bantuan sokongan yang perlu dilipatgandakan oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai belia menceburi bidang ini. Peningkatan penglibatan usahawan belia secara tidak langsung membantu menggerakkan sumber-sumber ekonomi dan sekaligus mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

Justeru itu, belia perlu mempunyai penetapan pemikiran secara terbuka untuk meneroka bidang keusahawanan berbanding makan gaji selepas tamat pengajian. Belia juga perlu mengeksplorasi ilmu, mempunyai motivasi tinggi, berkemahiran, bersedia fizikal dan mental dalam membentuk diri sebagai usahawan berjaya.

Selaras dengan itu, kerajaan akan melaksanakan inisiatif secara berterusan untuk menggalakkan belia menceburi bidang perniagaan bagi **melahirkan usahawan belia yang kompeten dan berdaya saing**.

Usaha bersepadu turut diambil untuk **memperkasakan syarikat pemula dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui teknologi dan inovasi**. Inisiatif ini dilaksanakan bagi membantu usahawan belia yang sedia ada melangkah ke hadapan selaras dengan penggunaan teknologi dan menggalakkan inovasi produk untuk meningkatkan hasil pengeluaran.

## Strategi 4

### Memantapkan literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan

Pemantapan dan pembangunan strategi yang menyeluruh perlu dilaksanakan untuk membantu belia mencapai kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Inisiatif bermula dengan **menyediakan ekosistem pendidikan kewangan yang berfokus kepada penambahbaikan perilaku kewangan yang berhemat**. Pembudayaan perilaku berhemat dari peringkat awal usia membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia dalam menguruskan kewangan khususnya untuk mengelakkan isu keberhutangan.

Inisiatif seterusnya yang perlu dilaksanakan ialah **memberi bimbingan dan kesedaran berhubung keperluan penjanaan aset, pelaburan, perlindungan kewangan dan penipuan kewangan**. Pelaksanaan ini akan membantu meningkatkan sumber kewangan belia melalui penjanaan aset dan pelaburan, meningkatkan keterjaminan kewangan jangka masa panjang dengan pelan insurans dan takaful serta meningkatkan kesedaran penipuan kewangan.

Bagi melengkapkan strategi ini, **memberi bimbingan dan kesedaran berhubung persediaan kewangan menuju persaraan** juga perlu dilaksanakan. Inisiatif ini diharapkan dapat meningkatkan kesediaan kewangan jangka masa panjang dalam kalangan belia.

## Inisiatif 1: Memperkembangkan bidang pekerjaan dalam sektor ekonomi strategik dan sektor baharu muncul

### OBJEKTIF

- ▶ Memperkembangkan dan merencanakan sektor ekonomi strategik dan sektor baharu muncul.
- ▶ Meningkatkan kepelbagaian kapasiti belia untuk bersaing dan tidak menghadkan bidang yang diceburi.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Meningkatkan penawaran pekerjaan dan mempromosikan bidang kerjaya melalui peningkatan kesedaran serta pengetahuan dalam sektor ekonomi strategik dan sektor baharu muncul.
- ▶ Melaksanakan program perintis menerusi kolaborasi strategik merangkumi lima (5) sektor baharu seperti industri berasaskan peralihan tenaga, industri berasaskan teknologi dan digital, industri elektrik dan elektronik (E&E) bernilai tinggi, pertanian dan industri asas tani serta industri nadir bumi. Inisiatif ini tidak terhad kepada sektor baharu sahaja tetapi boleh diperluaskan dalam pelbagai sektor ekonomi.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan program pemasaran dan promosi melalui fizikal dan digital yang dilaksanakan.
- ▶ Data penyertaan belia dalam sektor ekonomi strategik dan sektor baharu muncul.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi strategik dan sektor baharu muncul.

#### PENERAJU MITI

#### RAKAN KOLABORASI

MOF, PETRA, MOT, KPKM, KE, MOSTI, KPT, KK, KPM, KBS, KD, KESUMA, DOSM, MIDA, NAICO, MARIi, MSI, HDC, CREST

## Inisiatif 2: Meningkatkan penglibatan belia dalam pekerjaan berkemahiran tinggi

### OBJEKTIF

- ▶ Melahirkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi, kompetitif serta mampu bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa.
- ▶ Mengurangkan kebergantungan kepada tenaga mahir luar bagi memenuhi permintaan industri.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Mempromosikan laluan TVET dan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (*science, technology, engineering and mathematics* - STEM) kepada belia awal di peringkat sekolah menengah.
- ▶ Memperkukuhkan program sekolah pra vokasional untuk memberi peluang kepada belia memilih TVET sebagai bidang pilihan utama.
- ▶ Memberi autonomi kepada belia awal dan pertengahan untuk memilih laluan TVET.
- ▶ Menggalakkan penglibatan belia pertengahan dan belia akhir dalam bidang kemahiran tinggi sebagai bidang pengkhususan di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).
- ▶ Menggalakkan belia untuk mengambil kelayakan profesional melalui pembelajaran sepanjang hayat seperti Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (Association of Chartered Certified Accountants - ACCA), juruelektrik dan sebagainya.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan sekolah pra vokasional dan bilangan pelajar yang terlibat pada peringkat sekolah menengah.
- ▶ Jumlah pendaftaran pelajar di Institusi IPT dan ILKA dalam bidang STEM dan TVET.
- ▶ Bilangan program hibrid di peringkat IPT dan ILKA.
- ▶ Program pendedahan industri pada peringkat sekolah, IPT dan ILKA.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan bilangan belia yang berpendapatan tinggi.
- ▶ Pengurangan kebergantungan kepada tenaga kerja luar.
- ▶ Pengekalan guna tenaga penuh.

#### PENERAJU KESUMA

#### RAKAN KOLABORASI

KKDW, KPKM, KKR, KDN, MITI, MINDEF, MOSTI, KPWK, MOTAC, KBS, KPDN, KPK, JPK, MIDA, HRD Corp, MPC, MiGHT, NEC, MARIi, CREST, Kerajaan Negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), institusi dan industri berkaitan

#### PENERAJU BERSAMA KPT, KPM

## 21 Sektor Ekonomi Strategik

21 sektor ekonomi: aeroangkasa, pemprosesan makanan, peranti perubatan, produk petroleum dan petrokimia, automotif, perkhidmatan global dan perkhidmatan profesional, logam, rel, kimia, industri halal, mineral, produk berasaskan getah, digital dan ICT, mesin, jentera dan peralatan, produk berasaskan minyak sawit, pembinaan dan pembaikan kapal, elektrik dan elektronik, perkhidmatan berkaitan pembuatan, farmaseutikal, tekstil, pakaian dan kasut, serta industri berasaskan kayu, perabot dan kertas.



Aeroangkasa




Pemprosesan Makanan



Peranti Perubatan



Produk Petroleum dan Petrokimia



Automotif



Perkhidmatan Global dan Perkhidmatan Profesional



Logam



Rel



Kimia



Industri Halal



Mineral



Produk Berasaskan Getah



Digital dan ICT




Mesin, Jentera dan Peralatan



Produk Berasaskan Minyak Sawit




Pembinaan dan Pembaikan Kapal



Elektrik dan Elektronik



Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan



Farmaseutikal



Tekstil, Pakaian dan Kasut



Industri Berasaskan Kayu, Perabot dan Kertas

Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, 2023

## 5 Sektor Baharu

Lima (5) sektor baharu: industri berasaskan peralihan tenaga, industri berasaskan teknologi dan digital, industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi, pertanian dan industri asas tani dan industri nadir bumi.

## Inisiatif 1: Memberi pendedahan kepada belia dalam menjana pendapatan alternatif

### OBJEKTIF

- ▶ Mempelbagaikan sumber pendapatan belia dan mengurangkan kebergantungan punca pendapatan daripada satu sumber.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Mempelbagaikan punca pendapatan bagi mengurangkan senario gaji tidak setimpal.
- ▶ Memperbanyakkan aktiviti keusahawanan bagi meningkatkan penjana pendapatan di peringkat belia awal dan pertengahan.
- ▶ Mempromosikan bidang ekonomi gig termasuk pekerjaan bebas untuk menjadi pekerja bebas serta memudah cara kerjaya pekerja bebas. Pembangunan pekerjaan bebas merangkumi pesan hantar (*dropshipping*), kemahiran digital, perniagaan pengantaraan (*e-hailing*), perkhidmatan penghantaran (*p-hailing*) dan lain-lain.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan belia yang menjana pendapatan lebih daripada satu sumber.
- ▶ Bilangan belia yang terlibat dalam ekonomi gig, bidang keusahawanan dan lain-lain sektor ekonomi.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan pendapatan purata dan penengah belia.
- ▶ Pengurangan kadar kemiskinan belia.

### PENERAJU

KD

### RAKAN KOLABORASI

KKDW, KE, KPT, KPM, KPDN, KESUMA, MDEC, MARA, ILKA, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 2: Memanfaatkan ekonomi digital dalam menjana pendapatan

### OBJEKTIF

- ▶ Memberi pendedahan dan menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam menjana pendapatan.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Menyokong perubahan ekonomi global melalui peralihan perusahaan konvensional kepada perniagaan dalam talian.
- ▶ Menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam perniagaan seperti platform pemasaran secara digital atau e-dagang.
- ▶ Gerakan penglibatan belia dalam sektor digital seperti analisis data, kejuruteraan data dan kejuruteraan perisian.
- ▶ Melaksanakan program bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan kecerdasan buatan termasuk pembelajaran mesin.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan belia yang mengikuti latihan berkaitan ekonomi digital.
- ▶ Bilangan syarikat pemula berasaskan ekonomi digital.
- ▶ Bilangan PMKS yang beralih kepada ekonomi digital.
- ▶ Bilangan penyediaan akses infrastruktur digital untuk belia.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan peratusan sumbangan ekonomi digital kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

### PENERAJU

KD

### RAKAN KOLABORASI

MOT, MOSTI, KUSKOP, KK, KBS, KPDN, MDEC, MyDigital Corporation, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 1: Melahirkan usahawan belia yang kompeten dan berdaya saing

### OBJEKTIF

- ▶ Menggalakkan belia menceburi bidang perniagaan melalui peningkatan kapasiti secara holistik.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memberi pendedahan awal kepada belia untuk peningkatan kompetensi dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan minat belia untuk menceburi bidang perniagaan sebagai kerjaya.
- ▶ Penglibatan dan kerjasama rakan strategik serta komuniti dalam pelaksanaan program permulaan perniagaan melalui program advokasi.
- ▶ Menyediakan ruang kepada usahawan belia membina jaringan perniagaan.
- ▶ Memperluas akses kepada maklumat program pembiayaan keusahawanan dan peluang dana perniagaan.
- ▶ Menggalakkan penglibatan dalam perusahaan sosial.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan penyertaan belia dalam aktiviti keusahawanan pelbagai bidang termasuk keusahawanan sosial.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan bilangan usahawan belia yang kompeten dan berdaya saing dalam keusahawanan sosial selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) dan DBM.
- ▶ Peningkatan taraf ekonomi belia dan daya tahan dalam bidang keusahawanan.
- ▶ Pengurangan kadar kemiskinan belia.

### PENERAJU KUSKOP

### RAKAN KOLABORASI

MOF, KKDW, KE, KPKM, KPT, KPM, KBS, KBSS, MYSED, MARA, FELCRA, MDEC, AKPK, TERAJU, SMECorp, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 2: Memperkasakan syarikat pemula dan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui teknologi dan inovasi

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan potensi penglibatan syarikat pemula dan PMKS dalam pasaran domestik dan antarabangsa dengan menerapkan elemen teknologi dan inovasi.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Melaksanakan sesi menyampaikan idea atau perancangan perniagaan secara lisan oleh syarikat pemberi dana bagi menyokong pertumbuhan syarikat pemula.
- ▶ Menggalakkan penyertaan syarikat pemula dan PMKS dalam latihan pemasaran produk atau perkhidmatan.
- ▶ Memperluaskan program jaringan perniagaan.
- ▶ Memperluaskan akses kepada maklumat program pembiayaan keusahawanan dan peluang dana perniagaan yang berteraskan teknologi dan inovasi.
- ▶ Menambahbaik produk atau perkhidmatan syarikat pemula dan PMKS mengikut permintaan dan keperluan semasa.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan pengeluaran dan penawaran produk baru berasaskan teknologi dan inovasi.
- ▶ Peningkatan belia menceburi bidang keusahawanan melalui syarikat pemula.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan kadar sumbangan pendapatan negara melalui sektor ekonomi baharu.
- ▶ Peningkatan peluang pekerjaan dalam syarikat pemula dan PMKS. Inisiatif ini juga adalah selaras dengan Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030.

### PENERAJU MOSTI

### RAKAN KOLABORASI

KE, KUSKOP, KBS, KBSS, MYSED, INSKEN, SMECorp, AKPK, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 1: Menyediakan ekosistem pendidikan kewangan yang berfokus kepada penambahbaikan perilaku kewangan yang berhemat

### OBJEKTIF

- ▶ Memperkasakan program literasi kewangan.
- ▶ Meningkatkan pemahaman, kesedaran dan pengetahuan berhubung pengurusan kewangan berhemat.
- ▶ Menetapkan dan menyelaraskan peranan serta tanggungjawab antara kementerian dan agensi dalam melaksanakan program pengurusan kewangan.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Menyediakan program merentasi semua kumpulan belia dalam usaha menambahbaik tingkah laku kewangan. Tingkah laku kewangan yang baik digambarkan seperti kebolehan menjana pendapatan, simpanan, perbelanjaan dan pengurusan pinjaman berhemat. Ini secara langsung dapat menangani isu keberhutangan yang serius.
- ▶ Menerapkan silibus kewangan di peringkat sekolah menengah, pengajian tinggi dan alam pekerjaan.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Program literasi kewangan berimpak tinggi merangkumi aspek pengurusan kewangan seperti simpanan, perlindungan, perbelanjaan, pinjaman dan sebagainya.
- ▶ Program pemantauan perilaku kewangan secara berterusan dan berstruktur.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan literasi kewangan.
- ▶ Penambahbaikan perilaku kewangan berhemat.
- ▶ Pengurangan kadar peratusan belia terlibat dalam keberhutangan dan kebangkrapan.

### PENERAJU AKPK

### RAKAN KOLABORASI

MOF, KKDW, KPWK, KUSKOP, KPT, KK, KPM, KBS, KD, KBSS, MYSED, BNM, LHDN, PDRM, Mdl, MCMC, SC, MBM, Penyedia pinjaman agensi kerajaan dan swasta, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 2: Memberi bimbingan dan kesedaran berhubung keperluan penjanaan aset, pelaburan, perlindungan kewangan dan penipuan kewangan

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan kesedaran berhubung sumber kewangan melalui penjanaan aset dan pelaburan.
- ▶ Meningkatkan keterjaminan kewangan jangka masa panjang dengan pelan insurans dan takaful.
- ▶ Meningkatkan kesedaran penipuan kewangan dan hak sebagai pengguna.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memberi kesedaran berhubung peluang dan kaedah untuk menambah pendapatan melalui penjanaan aset dan pelaburan.
- ▶ Memberikan bimbingan untuk melindungi kewangan melalui insurans dan takaful termasuk insurans perlindungan pekerjaan.
- ▶ Memberikan pendedahan berhubung hak sebagai pengguna bagi melindungi belia daripada menjadi mangsa penipuan termasuk jenayah kewangan seperti penipuan agensi pekerjaan dan penipuan berkaitan kewangan.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Program kesedaran berhubung keperluan penjanaan aset, pelaburan, perlindungan kewangan dan penipuan kewangan.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan keterjaminan kewangan jangka masa panjang dengan membina ekuiti.
- ▶ Peningkatan keterjaminan kewangan jangka masa panjang dengan membina perlindungan kewangan.
- ▶ Pengurangan mangsa jenayah kewangan dalam kalangan belia.

### PENERAJU AKPK

### RAKAN KOLABORASI

MOF, KPT, KK, KPM, KBS, KPND, KD, KBSS, MYSED, PDRM, BNM, Bursa Malaysia, SC, Cyber Security Malaysia, KRI, Institusi kewangan, Penyedia perkhidmatan insurans dan takaful, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Inisiatif 3: Memberi bimbingan dan kesedaran berhubung persediaan kewangan menuju persaraan

#### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan kesediaan kewangan jangka masa panjang semasa persaraan.
- ▶ Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengagihan harta.

#### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memberi kesedaran berhubung kepentingan menyediakan perancangan ke arah persaraan. Pendidikan perancangan persaraan ini seharusnya diterapkan seawal peringkat sekolah menengah atau peringkat belia awal. Persediaan persaraan tidak akan membebaskan belia sekiranya perancangan itu dilaksanakan di peringkat awal secara berstruktur.
- ▶ Memberi kesedaran mengenai kaedah pengagihan harta juga penting dan seharusnya diberi perhatian.

#### SASARAN OUTPUT

- ▶ Program kesedaran berhubung persediaan kewangan menuju persaraan.

#### JANGKAAN HASIL

- ▶ Generasi bebas kewangan dan berdaya tahan kewangan selepas bersara.

#### PENERAJU AKPK

#### RAKAN KOLABORASI

MOF, KPT, KPM, KBS, KBSS, MYSED, KWSP, KWAP, BNM, Syarikat Pengurusan Harta Pusaka, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan



## Penjajaran Input di peringkat Nasional dan Antarabangsa

Bil	Strategi	S1		S2		S3		S4		
		Memperluaskan peluang pekerjaan belia		Mempelbagaikan punca pendapatan belia		Memperkasakan aktiviti pembangunan usahawan belia		Memantapkan literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan		
		I1	I2	I1	I2	I1	I2	I1	I2	I3
<b>Dasar-dasar kerajaan terpilih</b>										
1	Dasar Belia Malaysia (DBM)	●	●	●	●	●	●	●	●	●
2	Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)	●	●	●	●	●	●	●	●	●
3	Ekonomi MADANI	●	●	●	●	●	●	●	●	●
4	Model Pembangunan Belia MADANI 2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●
5	Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●
6	Pelan Tindakan Sektor Kewangan Malaysia 2022-2026	●	●	●	●	●	●	●	●	●
7	Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023	●	●	●	●	●	●	●	●	●
8	Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)	●	●	●	●	●	●	●	●	●
9	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia	●	●	●	●	●	●	●	●	●
10	Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025	●	●	●	●	●	●	●	●	●
11	Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB) 2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●
12	Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●
13	Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025	●	●	●	●	●	●	●	●	●
14	Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12	●	●	●	●	●	●	●	●	●
15	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara	●	●	●	●	●	●	●	●	●
16	Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●
17	Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE)	●	●	●	●	●	●	●	●	●
<b>Input peringkat nasional</b>										
18	Indeks Belia Malaysia (IBM) 2021-2022	●	●	●	●	●	●	●	●	●
19	Senario Kepimpinan Muda Masa Hadapan 2035	●	●	●	●	●	●	●	●	●
20	Kajian Ketidakupayaan Belia Bersaing dalam Ekonomi 2021	●	●	●	●	●	●	●	●	●
21	MyForesight 2022	●	●	●	●	●	●	●	●	●
22	Science and Technology Foresight Malaysia 2050	●	●	●	●	●	●	●	●	●
<b>Input peringkat antarabangsa</b>										
23	Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	●	●	●	●	●	●	●	●	●
24	Global Youth Development Report 2020	●	●	●	●	●	●	●	●	●
25	ASEAN Youth Development Index	●	●	●	●	●	●	●	●	●
26	The Updated OECD Youth Action Plan	●	●	●	●	●	●	●	●	●
27	Youth Economic Empowerment	●	●	●	●	●	●	●	●	●
28	Global Economic Prospects	●	●	●	●	●	●	●	●	●
29	Future of Job Report 2023, World Economic Forum	●	●	●	●	●	●	●	●	●
30	Aiming High, Navigating the Next Stage of Malaysia's Development, World Bank Group	●	●	●	●	●	●	●	●	●
31	Achieving a System of Competitive Cities in Malaysia, Main Report, World Bank Group	●	●	●	●	●	●	●	●	●

● Sasaran Belia   ● Sasaran Umum   ● Tidak berkaitan



# MATLAMAT 2: MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN DAN INKLUSIVITI BELIA

Strategi 1: Meningkatkan Tahap Ketersediaan Bakat Masa Hadapan ◀

Strategi 2: Memperkukuh Daya Tahan dan Daya Saing bagi Penyerlahan Potensi Belia ◀

Strategi 3: Meningkatkan Penyertaan Belia Wanita dalam Sektor Ekonomi dan  
Pembuatan Keputusan ◀

Strategi 4: Merekayasa Pembangunan Belia Inklusif ◀



## MATLAMAT 2: MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN DAN INKLUSIVITI BELIA

Kerajaan akan terus mempergiat usaha untuk memperkukuhkan kesejahteraan dan inklusiviti belia. Matlamat ini akan dicapai dengan meningkatkan tahap ketersediaan bakat masa hadapan melalui pengembangan kemahiran termasuk meningkatkan kecekapan penggunaan teknologi. Usaha ini dapat mempersiapkan belia dan meningkatkan potensi bakat mereka. Selain itu, usaha pengukuhan daya tahan dan daya saing bagi penyerlahan potensi belia akan dilaksanakan. Penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi dan pembuatan keputusan juga akan diberikan penekanan dan tumpuan dalam matlamat ini. Pendekatan inklusif ini memberi peluang yang sama rata kepada semua lapisan belia untuk terlibat secara langsung dalam mempergiatkan perkembangan ekonomi mereka.

### Strategi S1

**Meningkatkan tahap ketersediaan bakat masa hadapan**

### Strategi S2

**Memperkukuh daya tahan dan daya saing bagi penyerlahan potensi belia**

### Strategi S3

**Meningkatkan penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi dan pembuatan keputusan**

### Strategi S4

**Merekayasa pembangunan belia inklusif**

### Strategi 1

#### Meningkatkan tahap ketersediaan bakat masa hadapan

Bagi meningkatkan tahap ketersediaan bakat masa hadapan dalam kalangan belia, usaha **memperkukuhkan penyampaian latihan kemahiran TVET secara holistik yang menerapkan kemahiran teknikal, kemahiran hidup dan latihan amali** akan dilaksanakan. Inisiatif ini disediakan untuk menyediakan pengalaman secara praktikal kepada belia sebelum ke alam pekerjaan sebenar.

Selain itu, tumpuan juga akan diberikan dalam **mempelbagaikan pembangunan bakat dan keupayaan belia bagi memenuhi permintaan industri sedia ada dan industri baharu**. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pelaksanaan latihan dan program kemahiran bagi mencungkil dan menggilap potensi belia dalam pelbagai bidang. Usaha ini seiring dalam meningkatkan penguasaan kemahiran digital dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan belia.

### Strategi 2

#### Memperkukuh daya tahan dan daya saing bagi penyerlahan potensi belia

Bagi membantu belia mendepani kesan daripada cabaran ekonomi seperti kesihatan mental akibat kehilangan pekerjaan atau masalah kewangan, adalah penting untuk **melahirkan dan memupuk belia yang berpotensi tinggi**. Potensi tinggi merangkumi aspek Kecerdasan Pemikiran (*Intelligence Quotient-IQ*), Kecerdasan Emosi (*Emotional Quotient-EQ*), Kecerdasan Rohani (*Spiritual Quotient-SQ*) dan Kecerdasan Positif (*Positivity Quotient-PQ*).

Selain itu, inisiatif yang dilaksanakan bagi **memanfaat kepakaran belia dalam pemerkasaan ekonomi negara** juga penting untuk mencapai matlamat ini. Peranan belia akan lebih menyerlah apabila usaha **menyedia ruang dan peluang kepada belia untuk bersuara dalam pembuatan keputusan berkaitan ekonomi negara** diperkasakan.

Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan juga **mengiktiraf belia yang terlibat dalam aktiviti ekonomi berimpak tinggi** untuk meningkatkan motivasi serta melonjakkan keupayaan belia.

### Strategi 3

#### Meningkatkan penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi dan pembuatan keputusan

Wanita merupakan kelompok masyarakat yang perlu diberi tumpuan kerana mereka memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif **memperkasakan penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi** merupakan usaha kerajaan untuk menyasarkan 60% penyertaan tenaga kerja wanita dalam pelbagai sektor dalam tempoh 10 tahun (Kajian Separuh Penggal RMKe-12, 2023).

Menyedari kebolehpayaan wanita dalam pelbagai bidang, kerajaan perlu **memberi pengiktirafan kepada belia wanita dalam sektor ekonomi negara** bagi menarik lebih ramai wanita untuk lebih berjaya. Secara tidak langsung, ia dapat menyuntik semangat dan memberi inspirasi kepada belia wanita untuk menyertai sektor ekonomi dan menyumbang kepada pembangunan negara.

### Strategi 4

#### Merekayasa pembangunan belia inklusif

Inisiatif merekayasa pembangunan belia inklusif adalah untuk **merapatkan jurang pendidikan dan ekonomi dalam kalangan belia minoriti dan terpinggir serta belia berisiko**. Agenda ini amat kritikal kerana terdapat isu keciciran dalam kalangan belia yang perlu ditangani seperti keciciran dalam pendidikan, pekerjaan dan latihan.

Selain itu, inisiatif lain yang boleh membantu pembangunan belia inklusif adalah **memperkasakan sistem sokongan khidmat nasihat kepada belia**. Inisiatif ini diambil bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kerajaan dan maklumat terkini berhubung sistem sokongan khidmat nasihat di peringkat akar umbi.



## Inisiatif 1: Memperkukuh penyampaian latihan kemahiran TVET secara holistik yang menerapkan kemahiran teknikal, kemahiran hidup dan latihan amali

### OBJEKTIF

- ▶ Memperkukuhkan latihan kemahiran belia dari aspek kemahiran teknikal dan kemahiran hidup serta peningkatan peluang latihan kerjaya.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Menyediakan latihan kemahiran teknikal dan kemahiran hidup sebagai inisiatif melahirkan belia berkemahiran tinggi dan berupaya bersaing dalam pasaran buruh. Belia harus mempersiapkan potensi dan bakat agar mereka mempunyai kompetensi, mampu berdaya saing dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran masa depan melalui program latihan *reskilling*, *upskilling* dan *multi-skilling*.
- ▶ Menyediakan program dan rakan industri yang menjalankan latihan amali dengan struktur latihan praktikal yang sistematik seperti program penempatan dan latihan bagi mempersiapkan belia dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri.
- ▶ Menyediakan kaedah pembelajaran berasaskan kerja kepada generasi belia bagi melahirkan lebih ramai pekerja belia berkemahiran seperti program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Akademi Dalam Industri (ADI).

Nota: Kotak Paparan 2 boleh dijadikan panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan kemasukan atau pendaftaran belia dalam bidang TVET.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan graduan dalam bidang TVET.

### PENERAJU RAKAN KOLABORASI

**KESUMA** KKDW, KKR, MOSTI, KPT, KPM, KBS, KBSS, MYSED, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Kotak Paparan 2

#### Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

SLDN merupakan program tajaan kerajaan yang dikelola oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan menggunakan kaedah latihan berlandaskan yang dipacu oleh industri dan dikendalikan secara usahasama syarikat-syarikat dan institusi latihan. Program ini berkonsepkan latihan yang dijalankan di dua (2) tempat iaitu industri atau syarikat yang merangkumi 70% hingga 80% latihan amali dan di pusat latihan yang merangkumi 20% hingga 30% pembelajaran teori.

Salah satu syarikat yang terlibat dengan SLDN ialah McDonald's Malaysia. Syarikat ini telah menawarkan Program Perantis Vokasional McDonald's secara SLDN, hasil kerjasama McDonald's Malaysia dan JPK, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Melalui program ini, para perantis menjalani program selama 18 bulan yang merangkumi 70% latihan praktikal di restoran-restoran McDonald's dan 30% pembelajaran teori di pusat latihan.

Program ini dibuka kepada belia lepasan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), setiap perantis diberikan elaun sara hidup bulanan sebanyak RM1,200, kemudahan tempat tinggal, manfaat perubatan dan insuran serta makanan percuma sepanjang program ini. Sejurus tamat program, perantis berupaya untuk terus membina kerjaya di McDonald's atau bekerja di mana-mana syarikat dalam industri perkhidmatan makanan di Malaysia. Objektif pelaksanaan SLDN tercapai melalui *upskilling* dan *reskilling* di industri. Menurut JPK melalui analisis Kajian Pengesanan Graduan SLDN Plus 2022, sebanyak 87% graduan SLDN berjaya mendapat pekerjaan dalam bidang kemahiran yang dipelajari. Manakala 65% graduan diserap bekerja oleh majikan yang menjalankan SLDN.

Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran dan McDonald's Malaysia, 2022



#### Akademi Dalam Industri (ADI)

Pelaksanaan ADI adalah berpandukan pendekatan *industry demand-driven* dan berkonsepkan *place and train*. Ail secara rasminya telah dilancarkan pada 1 Ogos 2023 dan disebarluaskan kepada umum untuk menarik lebih ramai belia Malaysia yang mencari peluang kerjaya berkemahiran tinggi untuk menyertai inisiatif ini.

Pendekatan pembelajaran berasaskan kerja dalam ADI memastikan para peserta dapat menimba pengalaman bekerja dan pada masa yang sama berpeluang meneruskan pendidikan yang membawa kepada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf.

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk melahirkan insan produktif yang merupakan tenaga kerja yang relevan bagi memenuhi keperluan industri semasa di Malaysia. Pelaksanaan ADI secara meluas dijangka mampu mengatasi jurang ketidakpadanan kemahiran dalam industri berproduktiviti tinggi di Malaysia menerusi pepadanan bakat di dalam industri dan seterusnya peningkatan kemahiran di tempat kerja melalui pensijilan SLDN oleh JPK.

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia, 2023



## Inisiatif 2: Mempelbagaikan pembangunan bakat dan keupayaan belia bagi memenuhi permintaan industri sedia ada dan baharu

### OBJEKTIF

- ▶ Melahirkan belia yang berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan industri sedia ada dan industri baharu muncul.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Menggilap bakat belia khususnya dalam industri E&E, industri aeroangkasa, industri kreatif, industri pelancongan, industri halal, pertanian pintar dan industri biojisim.
- ▶ Menambahbaik latihan sedia ada mengikut peredaran semasa yang merangkumi komponen inovasi, pemasaran, komunikasi dan kolaborasi.
- ▶ Merangka dan menambahbaik modul pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan bagi memenuhi keperluan industri serta mengelakkan ketidakpadanan permintaan dan penawaran pekerjaan.
- ▶ Meningkatkan penggunaan teknologi dan digital seperti IoT, AI dan data raya.
- ▶ Meningkatkan kemahiran dan kompetensi dalam kalangan belia untuk menguasai IR yang dapat menyumbang kepada sektor sedia ada.

Nota: Kotak Paparan 3 boleh dijadikan panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Jumlah belia yang tamat pengajian di pelbagai peringkat institusi pendidikan menceburi bidang TVET sebagai pilihan kerjaya.
- ▶ Peratus peningkatan kebolehpasaran graduan.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Pengurangan kadar ketidakpadanan kemahiran dengan penawaran pekerjaan.
- ▶ Pengurangan pengangguran struktur dalam kalangan belia.

### PENERAJU

KESUMA

### RAKAN KOLABORASI

KE, MITI, MOSTI, KPT, MOTAC, KPM, KBS, KBSS, MYSED, KPKM, JPK, NEC, NAICO, MARIi, MSI, HDC, CREST, MIDA, HRD Corp, TalentCorp, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Program Upskilling For Deeptech & Futureskills

Insentif Latihan dan Pekerjaan

Majlis Pekerjaan Negara (MPN) dan MOSTI telah melaksanakan inisiatif bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pasca-pandemik COVID-19. Inisiatif ini merupakan satu bentuk insentif kewangan kepada pekerja dan majikan yang terlibat bagi pewujudan pekerjaan dan peningkatan kemahiran dalam bidang asas teknologi dan kemahiran masa depan.

Terdapat empat (4) objektif program ini iaitu:

- ▶ Membantu industri mendapatkan pekerja yang berkredibiliti dan mempunyai kemahiran yang kompeten;
- ▶ Memanfaatkan sumber tenaga kerja tempatan dalam pembangunan modal insan masa akan datang;
- ▶ Membantu rakyat Malaysia menjana pendapatan yang stabil dan menyumbang kepada ekonomi negara; dan
- ▶ Membangunkan kapasiti pekerja melalui pendedahan kepada keperluan sebenar di industri.

Kumpulan sasar bagi program ini adalah individu yang sedang mencari kerja, pekerja yang kehilangan kerja, graduan universiti dan tiada pendapatan tetap. Selain itu, program ini dibuka kepada peserta yang belum menerima insentif kerajaan di bawah Program JaminKerja yang lain.

Sumber: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, 2023

### Kemahiran Digital Pekerjaan Masa Hadapan

Program Kemahiran Digital Pekerjaan Masa Hadapan merupakan inisiatif untuk menyediakan para belia dari rantau Asia Tenggara dengan pekerjaan abad ke-21. Program seumpama ini menyediakan kemahiran penting yang diperlukan oleh industri ke arah membina laluan untuk pekerjaan masa hadapan, khususnya dalam pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi seperti analisa data, sains data, pembangunan operasi, pembangunan peranti perisian dan sokongan teknologi maklumat (*information technology* - IT).

Objektif program ini adalah:

- ▶ Untuk membantu rakyat Malaysia meningkatkan kemahiran dan menerima latihan semula dalam bidang digital bagi pekerjaan dengan permintaan tinggi;
- ▶ Meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja dalam mendepani landskap masa kini yang kompetitif dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan; dan
- ▶ Menjamin penempatan pekerjaan pada akhir program.

Pada 2021, inisiatif program ini adalah untuk memenuhi keperluan kemahiran digital yang semakin meningkat di tempat kerja. Dengan kerjasama antara Microsoft, JA Malaysia dan PERKESO, inisiatif ini bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan kemahiran sains data kepada 25,000 individu, diikuti dengan kursus kemahiran digital (analisis data, sains data, DevOps, pembangunan perisian dan sokongan IT) serta laluan kerjaya untuk 400 individu yang terpilih. Setelah selesai sesi latihan, peserta akan menerima sijil dan peluang untuk penempatan pekerjaan di bidang berkaitan.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia, 2023

## Inisiatif 1: Melahirkan dan memupuk belia yang berpotensi tinggi

### OBJEKTIF

- ▶ Melahirkan belia yang berdaya tahan dan meningkatkan tahap IQ, EQ, SQ dan PQ.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Melahirkan belia yang kalis masa depan dalam mendepani cabaran globalisasi.
- ▶ Meningkatkan kemahiran belia melalui kesedaran, peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek IQ, EQ, SQ dan PQ.
- ▶ Menggalakkan penumbuhan penetapan minda dengan memantapkan nilai sendiri belia untuk berhadapan sebarang krisis dan risiko.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Skor berdaya saing dan daya tahan.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan daya tahan belia dari aspek mental, fizikal, emosi dan kerohanian.

### PENERAJU

KBS

### RAKAN KOLABORASI

KKDW, KPKM, KDN, MINDEF, MOSTI, KPT, MOTAC, KPM, KPK, KESUMA, KBSS, MYSED, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 2: Memanfaat kepakaran belia dalam pemerkasaan ekonomi negara

### OBJEKTIF

- ▶ Mengiktiraf peranan dan sumbangan belia dalam pemerkasaan ekonomi negara.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Mengenal pasti belia yang mempunyai kepakaran dan berpotensi tinggi dalam bidang ekonomi termasuk pelaburan dan kewangan.
- ▶ Mengumpul profil pakar ekonomi belia.
- ▶ Melibatkan pakar ekonomi belia sebagai pemberi input bagi pengubalan polisi dan inisiatif ekonomi negara.
- ▶ Melahirkan pakar ekonomi dalam kalangan belia yang menyokong pemerkasaan kelestarian ekosistem ekonomi negara.
- ▶ Menggalakkan penglibatan belia sebagai pemimpin pelapis koperasi dan pemangkin aktiviti ekonomi koperasi yang lebih kreatif dan inovatif.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Peningkatan platform untuk pengiktirafan penglibatan belia dalam bidang ekonomi.
- ▶ Hub Profil Panel Pakar Ekonomi di Malaysia.
- ▶ Bilangan belia yang dilantik dan diiktiraf sebagai pakar rujuk dalam ekonomi negara.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Melahirkan lebih ramai pakar ekonomi belia untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

### PENERAJU

KBS

### RAKAN KOLABORASI

MOF, KE, MITI, KPT, KBSS, MYSED, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Inisiatif 3: Menyedia ruang dan peluang kepada belia untuk bersuara dalam pembuatan keputusan ekonomi negara

#### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan penglibatan belia dalam penyediaan dan proses pembuatan keputusan dasar ekonomi negara.

#### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Menggalakkan dan menggiatkan penglibatan belia dalam proses penyediaan polisi ekonomi negara di pelbagai peringkat.
- ▶ Menggalakkan belia dalam memberi pandangan dan cadangan berhubung ekonomi negara melalui pelbagai platform kepimpinan.
- ▶ Menambahbaik platform sedia ada untuk belia menyuarakan pandangan misalnya secara atas talian.

#### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan usul berkaitan ekonomi yang dibahaskan dalam Majlis Perundingan Belia peringkat negeri dan kebangsaan dan lain-lain platform berkaitan.
- ▶ Bilangan penglibatan belia dalam jawatankuasa khas parlimen atau kementerian.

#### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan daya tahan belia dari aspek mental, fizikal, emosi dan kerohanian.

#### PENERAJU

KBS

#### RAKAN KOLABORASI

MOF, KPWKM, KPT, KPM, KPN, KESUMA, KBSS, MYSED, MBM, Parlimen Malaysia, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Inisiatif 4: Mengiktiraf belia yang terlibat dalam aktiviti ekonomi berimpak tinggi

#### OBJEKTIF

- ▶ Mengiktiraf kejayaan dan sumbangan belia dalam pelbagai sektor ekonomi.

#### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memberi pengiktirafan kepada belia atas kejayaan dan sumbangan yang telah diberikan khususnya dalam sektor ekonomi dan ini secara tidak langsung membantu menarik dan mempengaruhi lebih ramai belia untuk terlibat dalam sektor-sektor yang membantu pertumbuhan ekonomi.
- ▶ Meningkatkan promosi kejayaan ikon belia dalam ekonomi bagi memberi inspirasi dan galakan.
- ▶ Meningkatkan dan menyerlahkan bakat belia berkaitan ekonomi.

#### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan penerima pengiktirafan mengikut kategori.

#### JANGKAAN HASIL

- ▶ Menggalakkan penyertaan belia secara aktif dalam aktiviti ekonomi berimpak tinggi.

#### PENERAJU

KBS

#### RAKAN KOLABORASI

KKDW, MITI, KPN, KUSKOP, KE, KBSS, MYSED, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 1: Memperkasakan penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi

### OBJEKTIF

- ▶ Melahirkan belia wanita yang berdaya saing dan kompeten.
- ▶ Meningkatkan penyertaan belia wanita dalam pelbagai sektor ekonomi.
- ▶ Memperkukuhkan pendapatan individu dan sosioekonomi setempat.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Mempergiatkan kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta dalam memberikan latihan kepada belia wanita untuk terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi.
- ▶ Melaksanakan program advokasi bagi meningkatkan minat, kesedaran dan pengetahuan belia wanita untuk menceburi bidang ekonomi.
- ▶ Menyediakan kemudahan pembiayaan geran, pinjaman dan konsultasi kepada belia wanita yang terlibat dalam perniagaan.
- ▶ Melaksanakan program bersasar peningkatan kesedaran dan kemahiran kepada generasi belia khususnya dalam kalangan belia berusia 15 hingga 24 tahun.

Nota: Kotak Paparan 4 boleh dijadikan panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Jumlah peruntukan yang diterima oleh usahawan belia wanita.
- ▶ Peningkatan kedudukan Malaysia dalam Laporan Jurang Gender Global bagi sektor ekonomi.
- ▶ Peningkatan pemilikan perniagaan dalam kalangan belia wanita.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Menyumbangkan kepada KDNK.
- ▶ Memperluaskan penciptaan dan peluang pekerjaan untuk belia wanita.
- ▶ Mengurangkan jurang pendapatan belia wanita.

**PENERAJU**  
KUSKOP

**RAKAN KOLABORASI**  
KPT, KPM, KPN, KBS, KESUMA, KPWKM, KBSS, MYSED, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 2: Memberi pengiktirafan kepada belia wanita dalam sektor ekonomi

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan penyertaan belia wanita dalam pelbagai sektor ekonomi.
- ▶ Mengiktiraf kejayaan dan sumbangan belia wanita dalam pelbagai sektor ekonomi.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memberi pengiktirafan kepada belia wanita atas kejayaan dan sumbangan yang telah diberikan khususnya dalam sektor ekonomi.
- ▶ Meningkatkan promosi kejayaan belia wanita sebagai penggalak untuk menarik lebih ramai wanita untuk menyertai sektor ekonomi.
- ▶ Menggalakkan penyertaan belia wanita dalam menyumbang idea dan pandangan bagi penyediaan dasar negara.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan penerima pengiktirafan mengikut kategori.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Meningkatkan keupayaan belia wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara termasuk dalam proses pembuatan keputusan di pelbagai peringkat.

**PENERAJU**  
KUSKOP

**RAKAN KOLABORASI**  
KE, KPWKM, KPN, KBS, KBSS, MYSED, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Program Women Netpreneur

Program Women Netpreneur yang dianjurkan dengan kerjasama Gorgeous Geeks adalah disokong oleh SME Corp. Malaysia menerusi Program Micro Connector. Matlamat program Women Netpreneur adalah untuk menyediakan peluang kepada usahawan wanita dan perusahaan mikro untuk meningkatkan kemahiran dalam teknologi digital, terutamanya yang berkaitan dengan e-dagang dan seterusnya menjalankan perniagaan mereka secara dalam talian.

Program ini juga bertujuan untuk memastikan bahawa usahawan wanita terus berada dalam landskap perniagaan yang berkembang dan terlibat dalam penerapan teknologi bagi meningkatkan produktiviti. Ini telah menjadi suatu keperluan dalam era pasca-pandemik dengan kemunculan e-dagang sebagai pemacu dalam perniagaan.

Sebanyak lima sesi telah diadakan bagi penerapan e-dagang yang merangkumi beberapa modul seperti pemasaran digital, e-pembayaran, platform e-dagang, logistik atau pembungkusan dan perkongsian kisah kejayaan usahawan wanita dalam perniagaan digital, yang telah memberi manfaat kepada seramai 653 usahawan wanita.

Maklum balas yang diterima daripada para peserta Women Netpreneur adalah menggalakkan. 80% daripada peserta telah melanggan platform e-dagang seperti Shopee, Facebook dan PrestoMall untuk memulakan perniagaan dalam talian mereka sendiri. Di samping itu, 55% daripada peserta bersedia untuk melabur bagi memulakan perniagaan e-dagang. Bilangan usahawan wanita memperoleh manfaat daripada program Women Netpreneur dari tahun 2017 hingga 2021 adalah seramai 2,740 peserta.

Sumber: Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, 2021

### Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM (MyKasih Kapital)

Program ini adalah inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertujuan untuk membantu golongan wanita menjana pendapatan sebagai usaha memperkukuhkan sistem sokongan terutama dalam bidang ekonomi. Sehingga bulan November 2023, seramai 7,639 orang peserta telah menerima manfaat melalui program ini.

Peserta program ini akan dinilai, dipantau dan mengikuti kursus oleh jabatan atau agensi kerajaan seperti INSKEN, PERKESO. Program ini memberikan nilai tambah dari sudut ilmu pengetahuan kepada peserta untuk meluaskan perniagaan mereka.

Melalui program ini, peserta dapat menambahkan pengetahuan tentang kaedah memasarkan produk perniagaan mereka melalui platform yang betul. Pemasaran produk menggunakan kaedah yang betul akan meningkatkan jumlah jualan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Selain itu, program ini juga telah berjaya menarik minat pihak swasta untuk memberi tajaan berupa kiosk perniagaan kepada peserta program.

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2023



## Inisiatif 1: Merapatkan jurang pendidikan dan ekonomi dalam kalangan belia minoriti dan terpinggir serta belia berisiko

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan penyertaan belia minoriti, terpinggir dan berisiko dalam aspek pendidikan dan ekonomi.
- ▶ Merapatkan jurang pendidikan dan ekonomi dalam kalangan belia khususnya belia minoriti, terpinggir dan berisiko.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memperkukuhkan kolaborasi antara agensi kerajaan dan swasta bagi memperkasakan kumpulan belia minoriti, terpinggir dan berisiko.
- ▶ Menubuh jawatankuasa bagi menyelaras dan memantau program serta aktiviti bersasar kepada belia minoriti, terpinggir dan berisiko untuk menyertai sektor ekonomi.
- ▶ Meningkatkan bilangan penyertaan dalam belia minoriti, terpinggir dan berisiko dalam mendapatkan peluang yang sama rata.
- ▶ Membangunkan profil belia minoriti, terpinggir dan berisiko yang berjaya dalam sektor ekonomi.
- ▶ Memperkukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta dalam program pembangunan ekonomi belia berisiko, minoriti dan terpinggir.
- ▶ Meningkatkan peluang latihan dalam kalangan belia secara bersasar seperti belia miskin bandar, golongan rentan atau terpinggir, belia inklusiviti dan berkeperluan khas dan belia dalam kategori NEET.
- ▶ Melaksanakan program latihan kemahiran bagi pengupayaan golongan NEET dan tiada pengenalan diri.

Nota: Kotak Paparan 5 boleh dijadikan panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Peningkatan bilangan penyertaan belia minoriti, terpinggir dan berisiko dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Meningkatkan keupayaan belia berisiko, minoriti dan terpinggir dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara termasuk dalam aspek peluang pendidikan dan pekerjaan.

### PENERAJU

KPM

### RAKAN KOLABORASI

KKDW, KE, KPWK, KUSKOP, KPT, KKM, KBS, KBSS, MYSED, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia, JAKOA, AKPK, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 2: Memperkasa sistem sokongan khidmat nasihat kepada belia

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan akses belia dalam mendapatkan maklumat terkini berhubung inisiatif pemerkasaan ekonomi yang dilaksanakan.
- ▶ Menyediakan sistem sokongan khidmat nasihat belia di peringkat daerah dan negeri.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memperkasakan peranan pejabat ahli parlimen, Pejabat Belia dan Sukan Daerah serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri dengan menyediakan informasi berhubung inisiatif belia sebagai pusat rujukan belia di kawasan setempat.
- ▶ Memperkemas sistem portal bagi membantu belia mendapatkan maklumat dengan mudah, tepat, cepat dan pantas.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan pusat rujukan belia.
- ▶ Menambahbaik pusat sehenti hub belia sebagai pusat rujukan utama belia bagi mengakses maklumat terkini berhubung dana, pinjaman, latihan dan lain-lain khidmat sokongan yang diperlukan.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Meningkatkan capaian belia kepada informasi dan maklumat yang berkaitan atau diperlukan belia.
- ▶ Memperkukuhkan sistem pengurusan penyampaian kerajaan.

### PENERAJU

KBS

### RAKAN KOLABORASI

KK, JPM, KD, KBSS, MYSED, KRPPM, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Program Bagi Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi Belia Minoriti dan Terpinggir dan Belia Berisiko



**MySkills Foundation** ditubuhkan bagi menjalankan fungsinya untuk memberi perlindungan kepada belia berisiko di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah latihan berasaskan kediaman sepenuhnya, MySkills Foundation melahirkan belia sebagai warganegara yang bertanggungjawab melalui pendekatan Latihan Kemahiran Holistik berasaskan nilai perwatakan dan latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan pasaran. Penglibatan MySkills dalam sektor latihan kemahiran holistik dan pembangunan modal insan telah giat berjalan sejak 14 tahun lalu bertujuan untuk intervensi jangka masa panjang bagi kumpulan sasaran Belia Berisiko Tinggi B40. Model Latihan Kemahiran Transformasi Holistik MySkills telah mendapat pengiktirafan daripada Bank Dunia, Unit Perancang Ekonomi dan Khazanah Nasional.

MySkills yang memulakan operasinya menerusi premis rumah kedai di Puchong pada tahun 2010 hingga 2011, seterusnya di Kompleks Hentian Bas Pelabuhan Klang pada tahun 2012 hingga 2017 dan kini beroperasi penuh menerusi Kampus MySkills seluas 34 ekar di Kalumpang, Selangor sejak tahun 2018. Penyediaan kemudahan kampus ini adalah bagi memastikan belia dapat menerima latihan dalam persekitaran yang kondusif dan berasaskan keusahawanan.

Menyedari peningkatan cabaran yang dihadapi oleh belia berisiko dan kesan pandemik seperti kekurangan kemahiran masih memberi impak, MySkills Foundation memutuskan untuk melipatgandakan usaha untuk mencapai lebih ramai belia berisiko. Sehingga kini, MySkills telah melahirkan alumni lebih daripada 2,700 belia sepanjang 14 tahun yang lepas. Kini Kampus MySkills dapat menampung kapasiti untuk melatih 400 belia pada sesuatu masa. Latihan Kemahiran Transformasi Holistik, yang menggabungkan teras kemahiran hidup dan kemahiran vokasional ialah model ekonomi rantaian yang sangat diperlukan untuk elemen daya tahan untuk menghadapi cabaran pasca pandemik dengan hasil yang mampan.

Sumber: MySkills Foundation, 2023



**Adab Youth Garage (AYG)** merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang aktif sejak tahun 2013 dan konsisten dengan usaha pembangunan belia dan komuniti setempat melalui pewujudan pusat-pusat interaksi belia atau ruang selamat khususnya kepada golongan miskin bandar. Kini AYG telah berkembang kepada 13 buah cawangan ruang selamat seluruh Malaysia, kebanyakannya di rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan pangsupuri kos rendah.

Setiap AYG dilengkapi dengan pekerja belia profesional sepenuh masa untuk menyantuni dan membangunkan potensi belia dan remaja yang hadir dalam ruang selamat setiap hari. Selaras dengan misi AYG untuk menjadi platform yang dinamik ke arah membentuk generasi beradab dan mandiri, AYG secara berterusan menggalakkan usaha inovasi sosial dengan mengembleng potensi dan inisiatif sosial, memupuk nilai-nilai, etika serta memobilisasi seluruh masyarakat tempatan untuk menyertai usaha pembangunan belia bersama AYG. Hampir keseluruhan pendekatan AYG adalah dengan pendekatan tidak formal seperti program kesukarelawanan, belajar bersama rakan sebaya, membedah filem, aktiviti permainan dan menjalankan aktiviti kemasyarakatan bersama dan keusahawanan sosial. Kini AYG mempunyai hampir 2000 klien yang sedang dibangunkan secara jangka panjang.

Salah satu pendekatan penting AYG ialah keusahawanan sosial iaitu menggunakan prinsip-prinsip keusahawanan untuk mengurus dan mewujudkan usaha dalam mencapai perubahan sosial yang mampan, bukan hanya bermatlamat keuntungan. Setakat ini, AYG berjaya membangunkan dua buah keusahawanan sosial iaitu AYG Barbershop dan ADAB Cafe (sebelum ini ADAB Grocer). Inisiatif ini banyak dijalankan bersama belia terpinggir seperti belia yang tidak menamatkan persekolahan dan belia yang tidak mampu meneruskan pendidikan formal sahaja. Perancangan memperkembangkan lagi usaha ini akan terus digiatkan lagi untuk penglibatan lebih ramai belia untuk membuka peluang mereka berjaya dengan pelbagai kaedah.

Sumber: Adab Youth Garage, 2023



## Penjajaran Input di peringkat Nasional dan Antarabangsa

Bil	Strategi	S1 Meningkatkan tahap ketersediaan bakat masa hadapan		S2 Memperkukuh daya tahan dan daya saing bagi penyerlahan potensi belia				S3 Meningkatkan penyertaan belia wanita dalam sektor ekonomi dan pembuatan keputusan		S4 Mereka yasa pembangunan belia inklusif	
		I1	I2	I1	I2	I3	I4	I1	I2	I1	I2
<b>Dasar-dasar kerajaan terpilih</b>											
1	Dasar Belia Malaysia (DBM)	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
2	Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
3	Ekonomi MADANI	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
4	Model Pembangunan Belia MADANI 2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
5	Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
6	Pelan Tindakan Sektor Kewangan Malaysia 2022-2026	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
7	Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
8	Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
9	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital)	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
10	Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
11	Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB) 2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
12	Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
13	Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
14	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
15	Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
16	Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE)	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
<b>Input peringkat nasional</b>											
17	Indeks Belia Malaysia (IBM) 2021-2022	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
18	Senario Kepimpinan Muda Masa Hadapan 2035	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
19	Aspirasi Belia Keluarga Malaysia	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
20	Kajian Ketidakupayaan Belia Bersaing dalam Ekonomi 2021	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
21	MyForesight 2022	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
22	Science and Technology Foresight Malaysia 2050	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
<b>Input peringkat antarabangsa</b>											
23	Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
24	Global Youth Development Report 2020	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
25	ASEAN Youth Development Index	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
26	The Updated OECD Youth Action Plan	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
27	Youth Economic Empowerment	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
28	Global Economic Prospects	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
29	Future of Job Report 2023, World Economic Forum	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
30	Aiming High, Navigating the Next Stage of Malaysia's Development, World Bank Group	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
31	Achieving a System of Competitive Cities in Malaysia, Main Report, World Bank Group	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●

● Sasaran Belia   ● Sasaran Umum   ● Tidak berkaitan



# MATLAMAT 3: MEMPERGIAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Strategi 1: Meningkatkan Penglibatan Belia dalam Ekonomi Hijau ◀

Strategi 2: Mewujudkan Peluang Penglibatan Belia dalam Ekonomi Kitaran ◀



## MATLAMAT 3: MEMPERGIAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Pembangunan mampan ialah pembangunan yang dapat memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan keperluan masa hadapan. Kerjasama pelbagai pihak diperlukan bagi menjayakan agenda pembangunan ini dengan melibatkan pihak kerajaan, swasta dan seluruh peringkat masyarakat. Pembangunan ekonomi perlu diimbangi dengan aspek sosial dan alam sekitar agar ia dapat memelihara dan memulihara sumber yang boleh dimanfaatkan tanpa meninggalkan kesan kepada generasi akan datang.

Pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melancarkan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 pada tahun 2015 sebagai komitmen global yang memfokuskan kepada pembangunan mampan untuk mencapai keseimbangan dalam aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Perubahan persekitaran dan iklim telah memberi kesan ketidaktentuan ekonomi negara dan seterusnya memberi kesan kepada ekonomi belia. Bagi memastikan belia dapat mengharungi cabaran kini dan masa depan, penglibatan belia dalam ekonomi hijau dan ekonomi kitaran perlu ditingkatkan. Ia selaras dengan meningkat kesedaran dan kepentingan pertumbuhan hijau dalam memacu pertumbuhan ekonomi seiring mengekalkan kekayaan bumi.

Malaysia memiliki khazanah alam yang tidak ternilai dengan kepelbagaian sumber biologi hutan. Walau bagaimanapun aktiviti penerokaan hutan tanpa pemantauan akan memberi kesan kepada alam sekitar. Justeru itu, Malaysia komited untuk terus mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok melalui Dasar Perhutanan Malaysia yang berasaskan prinsip-prinsip pemuliharaan sumber asli dan pembangunan sosioekonomi.

**Strategi  
S1**


**Meningkatkan penglibatan belia dalam ekonomi hijau**

**Strategi  
S2**

**Mewujudkan peluang penglibatan belia dalam ekonomi kitaran**

Malaysia juga mempunyai sektor pertanian dan perikanan yang memberi nilai pendapatan kepada negara dan banyak peluang pekerjaan telah dibuka kepada penduduk setempat. Namun, semasa melaksanakan aktiviti ekonomi melibatkan sumber alam sekitar, penggiat perlu memainkan peranan memastikan pembangunan ekonomi secara mampan. Ini kerana alam sekitar yang terpelihara boleh menjadi tarikan dan produk kepada pembangunan pelancongan berasaskan alam semula jadi memandangkan industri pelancongan juga merupakan salah satu sumber utama pendapatan negara.

Laporan Heart of Borneo: Melabur Dalam Alam Sekitar untuk Ekonomi Hijau yang dikeluarkan World Wildlife Fund (WWF) 2012 telah menggunakan rangka kerja lima (5) dimensi hijau bagi membuat penilaian ke atas pertumbuhan hijau. Dimensi ini memfokuskan penilaian ke atas modal semula jadi menyumbang kepada pertumbuhan hijau yang mengandungi pertumbuhan ekonomi klasik, nilai ekosistem dan pembangunan sosial yang saksama.



Sumber: Heart of Borneo-Melabur Dalam Alam Sekitar untuk Ekonomi Hijau, 2012



### Strategi 1

#### Meningkatkan penglibatan belia dalam ekonomi hijau

Ekonomi hijau merupakan sektor yang boleh diterokai oleh belia bagi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pendapatan dan membuka peluang pekerjaan tanpa mengetepikan sumber ekosistem dan biodiversiti semula jadi. Pembangunan ekonomi hijau dapat melindungi sumber semula jadi, meningkatkan keupayaan sumber dan menggalakkan penggunaan secara mampan.

Pekerjaan hijau membuka peluang ekonomi baharu yang boleh membantu mengurangkan kesan alam sekitar ke tahap yang mampan. Malaysia telah memperkenalkan Pekerjaan Hijau Malaysia melalui inisiatif Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi hijau, menyegerakan tindakan iklim dan menerapkan gaya hidup hijau. Peluang ini harus direbut oleh belia dengan usaha **meningkatkan kesedaran, pemahaman dan pengetahuan belia dalam ekonomi hijau**.

Bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan ke arah pertumbuhan hijau, belia perlu **meningkatkan penglibatan dan penyertaan dalam sektor ekonomi teknologi hijau**. Pelaburan dalam sektor teknologi hijau juga memberikan peluang membantu negara dalam meningkatkan ekonomi dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada belia. Antara bidang yang boleh diterokai adalah inovasi teknologi hijau bagi menyelesaikan isu perubahan iklim, teknologi kitar semula dan pengurusan sisa bagi mengurangkan kuantiti sisa dan mengurangkan kesan kepada alam sekitar, serta inovasi sumber tenaga alternatif seperti solar dan teknologi pertanian lestari.

### Strategi 2

#### Mewujudkan peluang penglibatan belia dalam ekonomi kitaran

Ekonomi kitaran menggunakan konsep sumber daya, barangan dan perkhidmatan bergerak melalui pelbagai fasa dalam ekonomi. Ia melibatkan kitaran yang berterusan dari pengeluaran, pengedaran, penggunaan hingga kepada kitar semula. Prinsip ini menekankan keberkesanan penggunaan sumber daya dan kelestarian dalam proses ekonomi.

Malaysia telah menetapkan untuk menerima guna ekonomi kitaran setelah menyedari terdapat keperluan untuk menangani cabaran dalam mengimbangi pembangunan sosioekonomi dan kelestarian alam sekitar. Peralihan dari ekonomi linear konvensional kepada ekonomi kitaran akan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan kos dengan ketara serta mengurangkan tekanan kepada alam sekitar. Ia juga akan menjadikan ekonomi lebih inovatif dan berdaya saing serta mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan hijau.

Selaras dengan itu, belia yang berkecimpung dalam sektor ekonomi seperti keusahawanan perlu **diterapkan kesedaran berhubung kebolehpasaran produk berasaskan ekonomi kitaran**. Antara kesedaran yang boleh diterapkan adalah dengan menggunakan bahan kitar semula dan kitar semula sisa pengeluaran serta bertanggungjawab dalam menguruskan produk mereka yang tamat tempoh hayat secara terancang.

Belia mempunyai kreativiti, inovatif dan berdaya tahan serta berani untuk terlibat dalam industri baharu. Namun, mereka masih memerlukan suntikan dana dan bantuan pihak yang lebih berpengalaman. Berdasarkan keperluan tersebut, **sistem sokongan sedia ada sama ada di pihak kerajaan dan swasta perlu diperkasakan bagi menyokong syarikat-syarikat pemula ekonomi kitaran** untuk lebih berkembang.

Selain itu, belia juga perlu **diberi pendedahan terhadap kepentingan keterjaminan makanan** bagi membantu kerajaan menangani isu ini untuk persediaan masa depan. Inovasi dan penglibatan belia dalam sektor ekonomi kitaran yang melibatkan ternakan, penanaman, perikanan dan sebagainya akan membantu negara mengurangkan kadar kebergantungan sumber makanan dari negara luar seperti China, India, Thailand, Australia dan lain-lain.

## Inisiatif 1: Meningkatkan kesedaran, pemahaman dan pengetahuan belia dalam ekonomi hijau

### OBJEKTIF

- ▶ Memupuk kesedaran dan nilai tanggungjawab untuk memelihara dan memulihara alam sekitar dalam menyokong ekonomi hijau.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Melaksanakan program jangkauan dan kesedaran kepada belia secara berterusan berhubung ekonomi hijau.
- ▶ Menggalakkan penyertaan belia dalam ekonomi hijau dan mengurangkan risiko ke atas alam sekitar.
- ▶ Meningkatkan kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar untuk kesinambungan ekonomi melalui pendekatan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan program kesedaran tentang kepentingan ekonomi hijau.
- ▶ Bilangan penyertaan belia dalam program ekonomi hijau.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Mengamalkan dan membudayakan gaya hidup hijau bagi menyumbang kepada kelestarian alam serta menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi di samping memelihara alam sekitar. Inisiatif ini selari dengan Pelan Hala Tuju Teknologi Hijau 2017-2030.

### PENERAJU

NRES

### RAKAN KOLABORASI

KPKM, KPKT, MOSTI, KPT, KPM, KBS, KBSS, MYSED, JWP, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 2: Meningkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam ekonomi teknologi hijau

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan penciptaan dan peluang pekerjaan dalam bidang ekonomi hijau.
- ▶ Meningkatkan kebolehpayaan belia untuk memanfaatkan inovasi dalam ekonomi hijau.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Memberi latihan dan kemahiran untuk melahirkan belia yang berkemahiran tinggi dalam sektor ekonomi hijau.
- ▶ Membantu meningkatkan keupayaan belia mencipta teknologi seperti aplikasi, produk, peralatan atau sistem untuk meminimumkan kesan negatif kepada alam sekitar.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan perniagaan yang mengaplikasikan teknologi hijau dalam penciptaan produk atau perkhidmatan.
- ▶ Bilangan program yang menyediakan insentif untuk menggalakkan inovasi dan penggunaan teknologi hijau.
- ▶ Bilangan perusahaan yang diakreditasi dengan pensijilan keusahawanan hijau.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Peningkatan bilangan perusahaan yang menggunakan teknologi hijau.
- ▶ Peningkatan kerjasama industri dalam pembangunan dan penggunaan teknologi hijau.

### PENERAJU

NRES

### RAKAN KOLABORASI

MOF, KKDW, KPKM, MITI, NRES, KUSKOP, KPT, JPM, KBS, KESUMA, PETRA, KBSS, MYSED, MIDA, MGTC, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

## Inisiatif 1: Menerapkan kesedaran kebolehpasaran produk berasaskan ekonomi kitaran

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan kesedaran, kreativiti dan inovasi dalam kebolehpasaran produk dan perkhidmatan yang berasaskan ekonomi kitaran.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Menggalakkan usahawan belia menerima pakai konsep ekonomi kitaran dalam penghasilan produk dan perkhidmatan.
- ▶ Menggerakkan kesedaran untuk kepentingan dan pelaksanaan ekonomi kitaran kepada belia melalui kolaborasi inisiatif oleh agensi kerajaan dan swasta.

Nota: Kotak Paparan 6 boleh dijadikan panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Pengurangan kadar pembuangan sisa.
- ▶ Bilangan program untuk memupuk penglibatan belia dalam ekonomi kitaran.
- ▶ Penjana pendapatan menerusi ekonomi kitaran.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Melahirkan generasi belia yang mempunyai kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar melalui ekonomi kitaran.

### PENERAJU

KPKT

### RAKAN KOLABORASI

MOF, NRES, MOSTI, KUSKOP, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Pusat Kitar Semula Pandu Lalu

Pusat Kitar Semula Pandu Lalu merupakan pusat yang menyediakan kemudahan pembelian sisa makanan pada harga 10 sen sekilogram. Pusat Kitar Semula Pandu Lalu ini telah dilaksanakan oleh ArusV Greentech (M) Sdn. Bhd bertempat Taman Perindustrian, Taman Tasik Ayer Keroh Melaka.

Inisiatif kitar semula makanan ini dilaksanakan dengan sokongan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Penubuhan pusat ini telah menjadikan negeri Melaka sebagai negeri pertama yang memperkenalkan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu. Kutipan sisa makanan yang dijual oleh penduduk setempat akan melalui proses penguraian menerusi alat askar hitam yang menghasilkan larva untuk diproses menjadi sumber makanan kepada haiwan ternakan serta turut diproses dijadikan baja organik dalam industri pertanian.

Hasil bahan yang diproses dapat menjana pendapatan dan pada masa yang sama menjadi pendapatan sampingan kepada penjual sisa makanan. Inisiatif ini juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menjaga kemampunan alam sekitar.

Sumber: Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, 2023


### Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai

Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai adalah program kerjasama di antara Kementerian Perlindungan dan Komoditi dan PETRONAS Dagangan Berhad. Program ini dilancarkan sebagai satu inisiatif pelaksanaan ekonomi kitaran agrikomoditi.

Melalui hasil pengumpulan minyak masak terpakai ini PETRONAS akan menggunakan minyak tersebut sebagai salah satu sumber bahan mentah utama bagi menghasilkan Bahan Api Penerbangan Lestari (*Sustainable Aviation Fuel - SAF*).

Program penjualan minyak masak terpakai di stesen minyak berupaya menjana pendapatan tambahan kepada belia di samping memupuk kesedaran penjagaan alam sekitar melalui pengurusan minyak masak terpakai yang lebih efisien.

Sumber: Kementerian Perlindungan dan Komoditi, 2023



## Inisiatif 2: Memperkasakan sistem sokongan sedia ada dalam menyokong syarikat pemula ekonomi kitaran

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan bilangan syarikat pemula dalam kalangan belia yang melaksanakan perniagaan berasaskan ekonomi kitaran.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Mengenalpasti sistem sokongan sedia ada yang berperanan dalam menyokong ekonomi kitaran. Kaedah ini dapat mengenalpasti jurang keperluan dan kepakaran yang terlibat dalam ekonomi kitaran.
- ▶ Menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat pemula untuk terlibat dalam inisiatif ekonomi kitaran.
- ▶ Menyediakan geran atau pembiayaan kewangan untuk menggalakkan belia terlibat dalam ekonomi kitaran.
- ▶ Mempelbagaikan syarikat pemula untuk model ekonomi perkongsian.

Nota: Kotak Paparan 7 boleh dijadikan panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan syarikat pemula dalam kalangan belia yang melaksanakan perniagaan berasaskan ekonomi kitaran.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Melahirkan usahawan belia yang berkebolehan dalam menghasilkan produk serta perkhidmatan untuk mengukuhkan persekitaran yang menyokong ekonomi kitaran.

### PENERAJU

KPKT

### RAKAN KOLABORASI

MOF, KPKT, MOSTI, NRES, KUSKOP, MOTAC, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Kotak Paparan 7

#### Program CIP Spark dan CIP Sprint

Cradle Fund Sdn Bhd menawarkan peruntukan geran di bawah program CIP Spark dan CIP Sprint berjumlah RM14 juta pada tahun 2022 bagi menyokong pewujudan syarikat pemula niaga tempatan. Kedua-dua program ini membawa misi menyokong perkembangan holistik dan pengkomersialan syarikat pemula melalui pelbagai servis nilai tambah untuk mempersiapkan dan menyediakan mereka dengan pembangunan model perniagaan, penerimaan dan akses pasaran.

CIP SPARK adalah geran pembangunan bersyarat yang menawarkan pembiayaan sehingga 18 bulan dan terbuka kepada individu, syarikat persendirian, syarikat Perkongsian Liabiliti Terhad (*Limited Liability Partnerships* - LLPs) dan syarikat sendirian berhad.

Manakala CIP SPRINT pula adalah geran pengkomersialan boleh ubah bersyarat yang menawarkan pembiayaan sehingga 18 bulan dan terbuka kepada syarikat Sendirian Berhad, termasuk universiti dan institut kajian. Sebanyak 11 syarikat pemula telah diumumkan sebagai penerima kumpulan pertama antaranya iaitu:

- ▶ Beebag iaitu syarikat perusahaan sosial yang menyasar untuk mengurangkan penggunaan plastik pakai buang. Melalui penggunaan beg kitar semula dan aplikasi telefon, syarikat ini ingin menggalakkan penggunaan beg kitar semula melalui gamifikasi dan ganjaran.
- ▶ Officio.work ialah aplikasi ruang kerja digital direka untuk membantu perniagaan kecil melalui proses pemodenan operasi mereka dengan menyediakan perisian yang membolehkan mereka menguruskan operasi harian, pekerja dan klien, tanpa perlu bertukar antara pelbagai aplikasi atau pengurusan sendiri menerusi pakej yang lebih menjimatkan kos.
- ▶ Apping Technology Sdn. Bhd. menyediakan templat perisian atau solusi perniagaan yang dibuat khas untuk digitalisasi dan automasi projek. Mereka membantu pelanggan untuk mempercepat proses perniagaan, meningkatkan tahap kecekapan di samping mengumpul data perniagaan bagi penambahbaikan operasi syarikat dan seterusnya, meningkatkan pendapatan syarikat.
- ▶ De Eco SR Hygiene - EcoDifesa ialah pembasmi kuman bagi udara dan permukaan yang mampu melindungi sehingga 12 bulan.
- ▶ Pinetop Technologies menyediakan platform pendigitalan Fleetata yang mempermudah rangkaian logistik rantaian bekalan. Solusi ini dibina khas untuk penyedia servis logistik seperti syarikat lori dan pembekal di dalam rantaian bekalan.

Sumber: Cradle Fund Sdn Bhd, 2023

## Inisiatif 3: Meningkatkan pendedahan terhadap kepentingan keterjaminan makanan

### OBJEKTIF

- ▶ Meningkatkan penyertaan belia dalam sektor pertanian, perikanan, perladangan dan penternakan berasaskan teknologi moden.

### PENERANGAN INISIATIF

- ▶ Meningkatkan pendedahan kepentingan keterjaminan makanan melalui pemodenan teknologi dan inovasi oleh generasi belia.
- ▶ Menggalakkan penyertaan usahawan belia dalam sektor pertanian, perikanan, perladangan dan penternakan.
- ▶ Menjana pendapatan sampingan.
- ▶ Meningkatkan keupayaan dalam aspek keselamatan dan kualiti makanan.

Nota: Kotak Paparan 8 boleh dijadikan panduan bagi pelaksanaan inisiatif ini.

### SASARAN OUTPUT

- ▶ Bilangan usahawan belia yang terlibat dalam sektor pertanian, perikanan, perladangan dan penternakan.

### JANGKAAN HASIL

- ▶ Meningkatkan sumbangan belia ke atas keterjaminan makanan.
- ▶ Menjamin kawalan harga melalui pembekalan sumber tempatan.

### PENERAJU

KPKM

### RAKAN KOLABORASI

MOSTI, NRES, KUSKOP, KPT, KPM, KBS, PETRA, KPDN, KKM, KBSS, MYSED, MKN, Kerajaan Negeri, NGO, institusi dan industri berkaitan

### Program Berasaskan Ekonomi Kitaran: *Vending Machine*

#### Mesin Layan Diri INSAN

Kementerian Ekonomi telah melancarkan Inisiatif Pendapatan Rakyat pada Februari 2023 bertujuan membantu golongan miskin tegar, miskin dan B40 untuk meningkatkan pendapatan secara mampan. Salah satu inisiatif rintis daripada tiga (3) inisiatif yang dilancarkan ialah Inisiatif Usahawan Makanan. Melalui inisiatif ini, peserta akan diberikan geran bagi tempoh dua (2) tahun untuk mengendalikan mesin layan diri INSAN. Program ini membantu peserta memastikan penjualan makanan berkualiti tinggi dan memberi ruang kepada peserta untuk memasarkan produk makanan mereka menggunakan mesin layan diri tanpa berhadapan masalah mendapatkan permit dan tapak perniagaan. Hasil penyertaan mereka dalam inisiatif ini menunjukkan impak positif apabila mereka berjaya meraih pendapatan harian antara RM90 hingga RM400 ringgit.

Sumber: Kementerian Ekonomi, 2023

#### Mesin Layan Diri oleh ATLAS Vending (M) Sdn Bhd

ATLAS Vending merupakan penyedia penyelesaian mesin layan diri yang menawarkan pelbagai jenis mesin layan diri, produk minuman serta penyelesaian sistem bagi memenuhi keperluan pelanggan. Diiktiraf oleh Malaysian Book of Records sebagai Pengendali Mesin Layan Diri Makanan dan Minuman Terbesar di Malaysia dan Singapura, syarikat ini turut menawarkan pelbagai rangkaian penyelesaian pengedaran makanan dan minuman bagi memenuhi permintaan pengguna yang merangkumi semua industri dan saluran serta di pelbagai lokasi padat pengguna. Syarikat ini juga mempunyai lebih 10,000 mesin di Malaysia dan Singapura.

ATLAS Vending turut memperkenalkan mesin layan diri dengan tulisan Braille di stesen LRT khusus untuk golongan OKU penglihatan. Selain itu, syarikat ini turut mengembangkan potensi peruncitan automatik di Malaysia dengan melancarkan Minit Mart. Mesin layan diri baharu ini berkonsepkan kedai runcit layan diri automatik sepenuhnya.

Sumber: Atlas Vending (M) Sdn. Bhd., 2023

### Program Pembangunan Belia Tani di Kalangan Siswazah (PROBEST)

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah melancarkan satu program pembangunan komuniti iaitu Program Pembangunan Belia Tani di Kalangan Siswazah (PROBEST).

Tujuan program ini adalah untuk mewujudkan peluang menimba pengetahuan serta menjana pendapatan. Inisiatif ini juga adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, menepati kehendak pasaran, berkualiti dan selamat dimakan.

Melalui program ini golongan belia di universiti akan diberikan latihan, bimbingan teknikal dan keusahawanan dalam sektor pertanian dan juga penternakan daripada pakar industri. Agrobank bertindak sebagai fasilitasi dalam penyediaan modul dan juga latihan bimbingan melalui Pusat Kecemerlangan Agrobank (Agrobank Centre of Excellence - ACE).

Sehingga Oktober 2023, seramai 90 orang mahasiswa telah terlibat dengan program ini dan jumlah kos program dianggarkan sebanyak RM3 juta. Universiti terlibat dengan program ini antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jasin, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kolej Pertanian Malaysia dan lain-lain yang terlibat.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2023

## Penjajaran Input di peringkat Nasional dan Antarabangsa

Bil	Strategi	S3		S4		
		Meningkatkan penglibatan belia dalam ekonomi hijau		Mewujudkan peluang penglibatan belia dalam ekonomi kitaran		
		I1	I2	I1	I2	I3
<b>Dasar-dasar kerajaan terpilih</b>						
1	Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)	●	●	●	●	●
2	Model Pembangunan Belia MADANI 2030	●	●	●	●	●
3	Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030	●	●	●	●	●
4	Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)	●	●	●	●	●
5	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital)	●	●	●	●	●
